


**Jilid IV
Bil. 20**



**Hari Khamis
25hb Julai, 1974**

MALAYSIA

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2425]

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam [Ruangan 2469]**
- Rang Undang-undang Kumpulanwang Kutu (Pengesahan) [Ruangan 2477]**
- Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) [Ruangan 2479]**
- Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional [Ruangan 2507]**
- Rang Undang-undang Bahan Letupan (Pindaan) [Ruangan 2517]**
- Rang Undang-undang Senjata (Pindaan) [Ruangan 2518]**

USUL:

- Akta Cukai Pendapatan, 1967—
Kuala Lumpur Tourist Association [Ruangan 2516]**

UCAPAN PENANGGUHAN:

- Tahanan Politik—Rayuan Membebaskan [Ruangan 2525]**

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEEMPAT

Hari Khamis, 25hb Julai, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungai Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN, A.M.N. (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).

- Yang Berhormat DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALIENG (Rejang).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DATUK DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., J.M.N., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANG LIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S.
(Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN, A.M.P. (Ipoh).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).

Yang Berhormat TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).

- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Kewangan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).

- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).

Yang Berhormat NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

- ” Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- ” DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- ” CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- ” AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- ” TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- ” TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- ” TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- ” TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- ” TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- ” DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- ” TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- ” TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- ” TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- ” TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- ” WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- ” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- ” TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- ” DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- ” TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- ” WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- ” TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- ” TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- ” DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- ” TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

WANG PANAS KE MALAYSIA

1. Tuan Edwin anak Tangkun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh mana Kementerian beliau telah berjaya dalam menahankan kemasukan wang panas ke Malaysia dan sejauhmanakah Kerajaan telah dapat mengurangkan wang berlebihan berputar di Malaysia yang telah dituduh sebagai menyebabkan inflasi.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tentu sedar, pengaliran masuk apa yang dinamakan "wang panas" ke Malaysia, khasnya dalam tahun 1973 pada asasnya mencerminkan keyakinan antarabangsa terhadap keteguhan dan kestabilan ringgit Malaysia. Bagaimanapun, semenjak 21hb Jun, 1973 ringgit Malaysia telah diapungkan dengan bebasnya dan dengan itu pengaliran masuk modal-modal untuk spekulasi ke negara ini dapat dikurangkan. Tambahan pula, pembekuan jual-beli tanah di beberapa kawasan di negara ini serta cukai spekulasi tanah yang diadakan semenjak Belanjawan yang lalu telah mengurangkan pengaliran masuk wang panas dan unsur-unsur spekulasi yang berkaitan.

Tindakan-tindakan yang diambil melalui dasar kewangan yang diadakan semenjak tahun lalu dan dalam bulan April tahun ini telah juga berjaya mengurangkan kadar pertumbuhan bekalan wang dalam negara. Pada akhir bulan Julai, 1973, kadar pertumbuhan bekalan wang adalah 46% melebihi peringkat akhir bulan Julai, 1972. Tetapi, pada akhir bulan Mei, 1974, bekalan wang adalah hanya 27% melebihi peringkat bulan yang sama tahun 1973. Ini menunjukkan kekurangan yang besar dalam kadar pertumbuhan bekalan wang di dalam negara ini.

Tuan V. Veerappen: Soalan tambahan. Bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini berapakah wang panas yang masuk ke negeri kita dalam tahun 1973?

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Istilah wang panas ini adalah satu istilah yang susah hendak ditepatkan oleh kerana itu wang masuk dan wang keluar dan hendak ditentukan yang mana panas dan yang mana tidak, payah hendak dikira. Pihak Kerajaan hanya dapat secara kasar sahaja yakni mengira dari segi kadar bertambahnya wang dalam circulation. Walaupun begitu, yang mana panas yang mana tidak memanglah payah hendak dikira dengan tepat.

Tuan V. Veerappen: Adakah Kerajaan bercadang supaya memaksa wang-wang masuk dari luar negeri disimpan beberapa peratus dalam bank-bank seperti fixed deposit?

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Wang yang masuk itu ada yang disimpan dan ada yang dipergunakan.

Tuan V. Veerappen: Maafkan saya, Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya tidak berapa terang. Bank-bank dikehendaki simpan separuh daripada wangnya di Bank Negara. Di Australia saya dapat tahu, kalau wang dari luar negeri masuk ke negerinya, Kerajaan memaksa mereka simpan separuh daripada wangnya dalam Bank Negara Australia.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Kalau seseorang itu membawa masuk wang kerana menanam modal hendak buka industri, misalnya, kalau kita suruh dia simpan, bagaimana dia hendak tanamkan modal untuk menjalankan industri. Walau bagaimanapun, bila dia bawa masuk wang foreign exchangenya tentulah di dalam jagaan Bank Negara.

Tuan V. Veerappen: Adakah Kerajaan sedar satu daripada sebab inflasi di negeri kita ialah disebabkan banyak wang dari luar negeri masuk? Wang yang berpusing (circulate) menjadi banyak. Oleh itu, kalau dipaksa disimpan separuh dari wang itu inflasi tentu boleh dikurangkan.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Melalui berbagai-bagai langkah sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi dengan menghalang spekulasi tanah dan sebagainya, maka Kerajaan berharap, dan ini telah dibuktikan oleh peratus pertambahan wang di dalam sekulasi tadi sudah berkurangan, dan ini nampaklah bahawa sekarang ini wang yang hendak dimasukkan ke negeri ini untuk

tujuan spekulasi sudah payah, sebab bila mereka masuk ke dalam negeri ini untuk tujuan spekulasi, tetapi bila tidak dapat menjalankan kegiatan spekulasi sudah tentulah wang seumpama ini tidak masuk. Untuk menyekat apa yang dikatakan wang panas ini, Kerajaan menjalankan berbagai-bagai langkah termasuk tentang cukai spekulasi, membekukan setengah-setengah tanah di setengah-setengah tempat di dalam negara kita ini.

Tuan T. S. Gabriel: Adakah wang panas satu daripada sebab-sebab inflasi yang ada di negara kita, kerana wang panas banyak dipusingkan di dalam negeri ini, (we have inflation as a result of too much of hot money circulating in the country).

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat ini sudah seharusnya faham selama ini. Inflasi ini adalah suatu phenomenon dunia sekarang ini dan bagi negeri kita satu daripada banyak-banyak sebab inflasi itu adalah apa yang dikatakan "wang panas". "Wang panas" ini adalah satu daripada beberapa sebab. Dengan mengelakkan "wang panas" ini kita dapat mengurangkan satu daripada faktor yang menyebabkan inflasi.

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA—CARUMAN

2. Tuan V. Veerappen (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Kewangan adakah beliau akan mempertimbangkan kenaikan caruman Kumpulanwang Simpanan Pekerja ke 10%.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan yang diperuntukan di dalam Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja, 1951, jumlah minima kadar caruman yang disumbangkan kepada K.W.S.P. (E.P.F.) ialah 10% iaitu 5% daripada majikan dan 5% daripada pekerja. Pada masa ini Kerajaan sedang membuat kajian yang teliti untuk menimbangakan kenaikan kadar caruman kepada K.W.S.P. (E.P.F.) itu dan satu keputusan akan dibuat tidak lama lagi selepas lapuran daripada Jawatankuasa yang mengkaji perkara ini selesai.

LETRIK—CUKAI TAMBAHAN PENGGUNA

3. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan samada

beliau sedar bahawa pengenaan cukai tambahan oleh Lembaga Letrik Negara ke atas pengguna-pengguna yang menggunakan letrik yang melebihi 150 yunit telah membawa penderitaan (kepada rakyat yang berpendapatan rendah, dan samada beliau akan mengarahkan Lembaga Letrik Negara menarik balik cukai tambahan itu.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar dakwaan yang mengatakan bahawa pengenaan bayaran perubahan kos bahanapi pengguna-pengguna yang menggunakan letrik yang melebihi 150 yunit telah membawa penderitaan kepada rakyat yang berpendapatan rendah.

Siasatan-siasatan telah dilakukan oleh Lembaga Letrik Negara ke atas beberapa buah rumah pangsa dan berderet di sekitar Kuala Lumpur dan keputusannya menunjukkan secara purata kegunaan letrik adalah tidak lebih daripada 120 yunit sebulan. Di kawasan luarbandar pula penyiasatan menunjukkan bahawa kegunaan letrik di sesebuah rumah adalah kurang daripada 50 yunit sebulan. Pada keseluruhannya 75% daripada pengguna-pengguna "Domestic" didapati menggunakan letrik yang kurang daripada 150 yunit sebulan. Dengan hal yang demikian, tidak mungkin rakyat yang berpendapatan rendah yang tidak ada memasang atau menggunakan di rumah-rumah mereka alat-alat seperti peti-sejuk, pemanas air, alat memasak letrik, penghawa dingin dan sebagainya mendapat kesan daripada bayaran tambahan tersebut.

Bayaran tambahan ini adalah dikenakan untuk membolehkan Lembaga Letrik Negara mendapatkan balik sebahagian yang kecil daripada kos bahanapi yang telah naik begitu tinggi semenjak awal tahun ini.

Dengan penerangan yang telah saya nyatakan di atas tadi, soal mengarah L.L.N. supaya menarik balik bayaran tambahan (surcharge) ini tidak timbul.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini tentang butiran-butiran mengenai penyiasatan yang beliau kata tadi ada dijalankan untuk menyiasat perkara itu di bandar-bandar bahawa di sebuah rumah atau household tidak ada menggunakan letrik melebihi 150 yunit?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Sebagai mana yang saya nyatakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, penyasatan sudahpun dijalankan. Boleh jadi ada orang yang menggunakan lebih daripada 150 yunit, tetapi ini adalah orang yang menggunakan peti sejuk dan alat-alat yang lain yang mana bererti orang itu bukan orang yang berpendapatan rendah, yang mana ertinya orang yang menggunakan alat-alatan ini ialah orang yang berpendapatan tinggi. Itu memang ada. Tetapi bagi orang biasa, orang yang berpendapatan rendah tidaklah lebih daripada ini.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini berapa peratus orang yang tidak melebihi daripada 150 yunit sebulan dan berapa peratus orang yang biasa melebihi oleh kerana kalau kita dapat peratusannya kita boleh mendapat satu gambaran yang lebih tepat?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soalan itu saya sudah jawab tadi. Saya katakan 75% daripada pengguna domestic tidak menggunakan lebih daripada 50 yunit.

LAGA AYAM—LARANGAN

4. Tuan Ng Hoe Hun bertanya kepada Menteri Pertanian dan Perikanan samada beliau sedar bahawa laga ayam masih diamalkan dalam negara kita dan jika ya, nyatakan:

- (a) undang-undang melarang laga ayam itu telah dibuat oleh Kerajaan mana;
- (b) samada Kerajaan Malaysia akan menimbang membatalkan undang-undang melarang laga ayam; dan
- (c) bilangan orang-orang yang telah didenda atau ditahan kerana laga ayam dalam tahun 1973.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan (Tuan Abu Bakar Umar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Melaga ayam tidak dibenarkan dan menjadi kesalahan di bawah seksyen 44, Animals Ordinance, 1953;
- (b) Tidak;
- (c) Seramai 28 orang telah dibicarakan dan didapati bersalah oleh Mahkamah di Kelantan dalam tahun 1973. Di Sarawak tangkapan yang dilakukan

ialah seramai 37 orang dan di dalam pendakwaan di Mahkamah 30 yang didapati bersalah telah dikenakan hukuman denda sementara 3 diberi amaran dan dilepaskan. Perbicaraan 4 kes lagi itu masih tergantung.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan soalan 4 (b), Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan "tiada". Saya hendak tahu apa sebabnya "tiada"?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada cadangan untuk menghapuskan Rang Undang-undang ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Rakyat di Malaysia sekarang boleh lumba kuda, boleh main judi lumba kuda. Lumba kuda pun pakai binatang. Kalau rakyat boleh main judi lumba kuda, apa sebabnya rakyat tidak boleh melagakan ayam?

Tuan Yang di-Pertua: Ini ayam. bukan kuda. (*Ketawa*).

Tuan Ng Hoe Hun: Saya beri bandingan. Jikalau rakyat boleh main kuda, apa sebabnya tidak boleh laga ayam? Sila jawab.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, kuda lawan lari. Ahli Yang Berhormat tanya berkenaan dengan laga. Itu berertinya soalan lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ng Hoe Hun: Ayam pun lari kalau dia kalah. (*Ketawa*). Kuda pun lari, tetapi kalau kuda lari jatuh dia ditembak mati. Kalau ayam kalah, dia potong untuk dimakan. Apa sebabnya kuda boleh lari, ayam tidak boleh lari? (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak hendak layan soalan seperti itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan jawapan (c), kata Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ramai orang di Malaysia, di Sarawak dan Sabah ada melagakan ayam. Jikalau rakyat mahu melaga ayam, apa sebabnya tidak mahu diberi rakyat melaga ayam?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Saya tidak mahu menjawab, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak ada kuasa hendak menjawab.

Tuan Ng Hoe Hun: Dia hendak bercakap seperti itulah, Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak ada rasa hendak jawab. Berkenaan dengan perkara ini, saya hendak membuat pantun. Bolehkah dibenarkan, Tuan Yang di-Pertua? (*Ketawa*).

Kalau ada sumur di ladang,

Boleh saya tumpang mandi;

Kalau ada umur panjang,

Boleh kita lawan lagi (*Ketawa*).

Ada satu lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau ada jarum patah,

Jangan simpan dalam peti;

Kalau ada saya salah,

Tuan Yang di-Pertua jangan simpan dalam hati. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, saya tidak simpan dalam hati. (*Ketawa*).

Tuan Edwin anak Tangkun: Soalan tambahan. Oleh kerana menyabung ayam di negeri Sarawak ini di luarbandar lebih lagi seperti kami orang Iban, tiap-tiap tahun ataupun tiap-tiap enam bulan bila ada pegawai di Rumah Panjang mestilah ada sabung ayam. Bolehkah Setiausaha Parlimen yang berkenaan menimbangkan supaya sabung ayam di Rumah Panjang itu dibenarkan?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

TEMPAT LETAK KERETA

5. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan samada beliau sedar bahawa tempat-tempat letak kereta terutamanya di Bandaraya Kuala Lumpur tidak teratur dan terlampau banyak yang ditempatkan di tepi jalan besar menyebabkan kesesakan kenderaan dan terhentinya lalulintas, dan jika sedar, adakah beliau akan menimbang mengalihkan tempat letak kereta ke tempat-tempat yang lebih sesuai untuk mengelakkan kesesakan kenderaan dan melincirkan aliran lalulintas.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, tempat-tempat letak kereta terpaksa diadakan di tepi jalan-jalanraya oleh kerana bertambahnya jumlah kereta-kereta dan juga oleh kerana kebanyakan daripada bangunan-bangunan yang lama di dalam bandaraya ini tidak dikenakan syarat-syarat dahulu untuk mengadakan tempat-tempat letak kereta masing-masing. Tempat-tempat letak kereta ini diadakan seboleh-bolehnya di jalan-jalanraya yang mana tidak akan memberi gangguan kepada lalulintas. Kajian sentiasa dijalankan dan jika didapati tempat-tempat ini mengganggu lalulintas ianya akan dialihkan jika ada tempat-tempat yang lebih sesuai atau ditamatkan penggunaannya. Pengalihan ini selalu menimbulkan beberapa masalah oleh kerana kawasan itu tidak ada langsung tempat untuk digunakan bagi meletakkan kereta (seperti di Jalan Petaling) dan jika dialihkan sekalipun kereta-kereta akan terus diletakkan di situ tanpa kebenaran. Dan ini terpaksa diawasi sentiasa dan tindakan-tindakan undang-undang terpaksa dijalankan dengan lebih ketat pada setiap masa.

Mengikut kajian The Metropolitan Transport Study yang dijalankan baru-baru ini cadangan telah dikemukakan untuk membina lebih banyak lagi tempat-tempat letak kereta berbilang tingkat di kawasan-kawasan yang tertentu. Lapuran ini masih dikaji oleh Kerajaan dan jika dilaksanakan bangunan-bangunan ini akan megambil alih dari satu masa ke satu masa tempat-tempat letak kereta yang di sepanjang jalan-jalanraya.

BUKU-BUKU TEKS—KEKURANGAN

6. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa sebilangan sekolah di Semenanjung Malaysia, baik Sekolah Menengah ataupun Rendah, masih lagi menghadapi kekurangan buku-buku teks walaupun penggal kedua akan tamat tidak lama lagi.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, kekurangan yang berlaku adalah disebabkan bekalan buku-buku teks yang diperlukan tidak sampai dengan sepenuhnya ke sekolah-sekolah yang berkenaan. Di dalam siasatan Kementerian Pelajaran didapati buku-buku itu ada di dalam pasaran tetapi tidak

terdapat di beberapa buah kedai buku yang lazimnya membekalkan buku-buku untuk sekolah-sekolah yang tersebut.

Tuan V. Veerappen: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar banyak guru-guru pun sudah give up hopes, tidak ada harapan untuk mendapatkan buku-buku ini dan mereka memberi pelajaran seberapa yang boleh dengan tidak ada buku-buku. Apakah langkah yang Kerajaan akan ambil untuk memberi buku yang telah lewat sampai sekarang pun tidak dapat?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, arahan telahpun dikeluarkan kepada guru-guru khususnya guru-guru besar sekiranya sekolah-sekolah mereka masih lagi belum ada buku-buku teks hendaklah berhubung terus dengan Biro Buku teks, Kementerian Pelajaran supaya biro Buku teks dapat menolong mencarikan buku-buku yang tidak ada lagi. Arahan ini telah lama dikeluarkan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri tentu sedar bahawa kekurangan buku-buku teks adalah satu masalaah yang sangat rumit, yang sangat besar, masalaah ini bukan berlaku di satu dua tempat sahaja, tetapi pada keseluruhan di tanahair kita dan masalaah ini masalaah lama. Adakah Kementerianya membuat satu siasatan komprehensif dan dalam untuk mendapat tahu sebab-sebab kenapa tiap-tiap tahun ada berlaku kekurangan buku-buku teks yang bermula pada tahun hadapan mengenai kekurangan buku-buku teks yang tentu tidak akan berlaku lagi. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beri satu jaminan bahawa Kementerianya telah mendapat tahu semua sebab-sebab yang mengakibatkan kekurangan buku-buku teks dan di tahun hadapan ada rancangan yang komprehensif untuk mengatasi soalan ini semua sekali?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab kekurangan buku-buku teks bagi awal tahun ini saya telahpun menerangkan dalam mesyuarat yang lepas. Bagi tahun yang akan datang, insya Allah, kita akan memperbekalkan buku-buku teks dengan seberapa cepat yang boleh.

Tuan Hashim bin Gera: Bolehkah Menteri Pelajaran membuat satu cara untuk mengatasi kekurangan buku pelajaran sekolah ini dengan cara memerintahkan guru-guru yang mengajar di sekolah itu buat cara stencil mata-pelajaran yang diajarnya dan diberikan kepada tiap-tiap murid. Cara yang demikian telah saya perhatikan dalam lawatan saya ke Medan, dan ke Jakarta, saya dapati kanak-kanak di sana banyak di antaranya kanak-kanak yang miskin dan saya bertanya: Mengapa menggunakan kertas stencil? Katanya, kami kekurangan buku, jadi guru kami buat stensil; kami bayar kepada guru itu dengan harga yang murah. Jadi, tiap-tiap buku pelajaran yang diajar oleh guru itu adalah secara stensil seperti yang dibuat kepada Penyata Rasmi Parlimen ini. Bolehkah Menteri Pelajaran mengikut sistem yang ada di sana kerana kemiskinan dan kekurangan buku?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya tidak payah kita mengikut sistem di sana oleh sebab Kerajaan akan membekalkan buku-buku teks kepada kanak-kanak yang miskin pada tahun hadapan, insya Allah.

NYAMUK AEDES

7. Tuan V. Veerappen minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa hanya dengan ugutan dan ancaman tindakan undang-undang ke atas orang-orang yang membenarkan pembiakan nyamuk aedes tidak akan dapat mencegah merebaknya demam denggi melainkan pihak-pihak berkuasa tempatan dan Jabatan Kesihatan sendiri menjaga parit-parit dan jalan-jalan belakang, jika ya, apakah langkah-langkah yang beliau bercadang hendak ambil untuk menentukan supaya jabatan-jabatan dan pihak-pihak berkuasa membuat contoh yang elok.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, nyamuk aedes ialah nyamuk yang terdapat di dalam rumah yang membiak di dalam bekas-bekas air di dalam dan di luar rumah, seperti perangkap semut, balang air yang diperbuat dari tanah, tangki air, tempat bunga, pasu bunga, botol-botol pecah, tayar-tayar buruk dan lain-lain lagi. Sebenarnya, lebih 90% nyamuk aedes membiak di dalam rumah, yang lainnya di

luar kawasan rumah. Mengikut tabiatnya, nyamuk aedes jarang-jarang sekali membiak di dalam parit.

Memandangkan kepada perkara ini, adalah sangat-sangat penting masyarakat umum bekerjasama dengan Kementerian saya bagi memastikan tidak berlaku perkara pembiakan nyamuk di dalam dan di luar kawasan rumah. Dan memandangkan kepada bahaya yang disebabkan oleh pembiakan nyamuk aedes ini. Jabatan-jabatan Kesihatan di Kuasa-kuasa Tempatan akan tidak ragu-ragu menguatkuasakan undang-undang terhadap penghuni-penghuni rumah yang membiakkan nyamuk di premis-premis mereka. Lagi pun, Kementerian saya buat masa ini sedang merangka undang-undang yang bernama "Akta Memusnahkan Serangga-serangga yang membawa penyakit". Untuk memperkuat undang-undang melarang pembiakan nyamuk di premis-premis dan ini akan dikuatkuasakan di seluruh negara.

Tuan V. Veerappen: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengatakan tadi nyamuk ini dia membiak di dalam rumah, tetapi di kampung-kampung ada beberapa tempat banyak nyamuk, tetapi macam mana rakyat boleh tahu adakah ini nyamuk Aedes atau Culex bagi menghapuskannya. Dan lagi banyak terdapat nyamuk-nyamuk di dalam longkang-longkang dan dari itu pergi ke rumah. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu macam mana rakyat boleh kenal Nyamuk Aedes dan boleh dimusnahkan?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli Yang Berhormat akan bekerjasama. Kementerian saya melalui radio, talivisyen dan suratkhbar tiap-tiap hari disiarkan jenis-jenis nyamuk merbahaya seperti Nyamuk Aedes itu menunjukkan kepada orangramai. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu tak faham silalah lihat talivisyen tiap-tiap malam.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa Kementerian saya akan mengambil tindakan terhadap orang-orang yang tidak mahu membersihkan kawasan perumahan dan membenarkan Nyamuk Aedes hidup. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini samada Kementerian saya ada kuasa atau hak untuk mengambil tindakan terhadap Kerajaan-kerajaan Negeri atau

Majlis-majlis Bandaran yang membiarkan tanah-tanah mereka, tanah-tanah Negeri atau tanah-tanah Majlis Bandaran Nyamuk Aedes hidup oleh kerana tidak mahu membersihkan tanah-tanah yang hampir dengan kawasan perumahan-perumahan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya dan saya sendiri sentiasa merayu kepada pihak-pihak yang berkuasa untuk bekerjasama. Jadi, Kerajaan bukan memaksa, akan tetapi memberikan satu pelajaran supaya mereka itu akan bekerjasama untuk menjaga kesihatan mereka dan juga Majlis-majlis Tempatan ada ordinan-ordinan yang sesuai. Ordinan-ordinan ini oleh digunakan atau dikuatkuasakan oleh Majlis Tempatan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah kita tahu daripada ucapan Yang Berhormat Menteri daripada amarannya kepada orang-orang yang tidak membersihkan kawasannya bahawa Kementerian saya ada kuasa ambil tindakan undang-undang terhadap mereka, oleh kerana tidak mahu membersihkan kawasannya dan membiarkan Nyamuk Aedes hidup. Soalan saya sangat senang, bukan Kementerian merayu kerjasama, tetapi adakah Kementerian Kesihatan berkuasa untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Kerajaan-kerajaan Negeri dan Majlis-majlis Bandaran seperti mereka ada kuasa mengambil tindakan terhadap orang-orang persendirian. Jikalau Kerajaan-kerajaan Negeri dan Majlis-majlis Bandaran membiarkan tanah-tanah mereka yang berhampiran dengan kawasan-kawasan perumahan untuk Nyamuk Aedes hidup dan tidak mahu membersihkan kawasan mereka, adakah kuasa untuk ambil tindakan undang-undang.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya itu saya telah mengatakan Kementerian saya buat masa ini sedang merangka undang-undang yang bernama Akta Memusnahkan Serangga-serangga yang Membawa Penyakit. Jadi, akta itu akan dikemukakan pada masa yang akan datang. Sekarang ini kita merayu kepada Majlis-majlis Tempatan bekerjasama dan juga kepada semua rakyat jelata.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Menteri yang berkenaan menyatakan tadi bahawa Majlis Tempatan masing-masing

ada kuasa untuk memperbaiki atau membersihkan tanah-tanah atau longkang-longkang di tempatnya. Tetapi adakah Menteri yang berkenaan sedar walaupun Majlis Tempatan di tanahair kita ada kuasa, tetapi mereka tidak mengambil tindakan untuk membersihkan Kampung Barunya, umpamanya, Jinjang. Menteri yang berkenaan sendiri sedar tahun yang lalu ada penyakit denggi berlaku di Jinjang, dan nasib baik tahun ini tidak ada berlaku kematian di Jinjang, tetapi adakah Menteri yang berkenaan sedar longkang di sini semua bocor, sampah tidak dibuang oleh Majlis Tempatan di sana. Apabila tindakan Menteri yang berkenaan akan mengambil terhadap kekotoran, umpamanya di Majlis Tempatan Baru Jinjang?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, kawasan Jinjang ialah salah satu kawasan dalam Wilayah Kuala Lumpur. Kawasan ini adalah di bawah kuatkuasakan Wilayah Kuala Lumpur, bukannya di bawah terus Kementerian saya. Jadi kita merayu kerjasama Majlis-majlis Tempatan atau Bandaraya. Kita hanya boleh merayu sahaja. Kementerian saya tidak ada hak memaksakan dengan undang-undang.

Tuan Loh Jee Mee: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Kempen-kempen Demam Denggi atau kempen-kempen kebersihan di bandar-bandar di seluruh negara kita tidak berjaya, sebab selepas kempen-kempen itu tidak ada follow-up macam menjaga parit-parit dan jalan-jalan belakang oleh pejabat-pejabat yang bertanggungjawab, dan bukan rakyat tidak mahu bekerjasama.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan gotong-royong ini saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat itu adakah beliau mengambil bahagian sama dalam rancangan gotong-royong ini. Adakah Ahli Yang Berhormat itu bersama-sama mengambil cangkul untuk menolong kepada rakyat untuk membersihkan kawasan? Adakah Ahli Yang Berhormat itu mengambil bahagian atau tidak, atau bercakap sahaja di dalam Dewan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan daripada Yang Berhormat Menteri kepada Ahli Yang Berhormat itu!

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri tidak jawab soalan saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum beliau menjawab, beliau bertanya adakah pernah Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian?

Tuan Loh Jee Mee: Pertanyaan saya ialah macam mana boleh berjaya jikalau satu kempen dalam satu tahun sekali, satu kempen yang besar tetapi tidak ada follow-up oleh pejabat-pejabat macam Majlis Bandaran.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu! Dengar! Yang Berhormat Menteri bertanya, adakah Ahli Yang Berhormat pernah mengambil bahagian dalam kempen-kempen ini dengan memegang cangkul atau apa-apa. Jawab pertanyaan itu.

Tuan Loh Jee Mee: Itu soalan lain (*Ketawa*) tetapi saya boleh jawab. Memegang cangkul itu saya tidak ada, tetapi mengambil bahagian dalam kempen itu saya ada, dan saya pun ada hadir mesyuarat-mesyuarat dalam Majlis Bandaran saya, di Tapah. Itulah saya tidak puas hati, sebab kempen-kempen macam Anti-Demam Denggi adalah kempen yang baik, tetapi tidak boleh berjaya. Bagaimana boleh berjaya jikalau Kerajaan atau pejabat-pejabat yang bertanggungjawab tidak ada follow-up seperti yang saya katakan tadi.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Yang Berhormat itu ada pengalaman untuk campurtangan, untuk membuat kerja gotong-royong dan sebagainya, barangkali beliau akan faham soal gotong-royong ini di seluruh tanahair kita yang pada masa sekarang telah lebih 378 kali. Gotong-royong secara besar-besaran dijalankan dan kerja gotong-royong ini sangat-sangat dihargai oleh Kementerian saya dan juga kepada rakyat kita. Jikalau rakyat tidak ada follow-up dan sebagainya, itu adalah tugas Yang Berhormat juga untuk menasihatkan kepada rakyat bersama dengan pegawai-pegawai dari Kementerian saya untuk follow-up selepas gotong-royong itu.

Tuan Loh Jee Mee: Yang Berhormat Menteri tidak menjawab soalan saya. Saya kata bukan rakyat tidak mahu follow-up

dan pejabat-pejabat yang bertanggungjawab seperti Majlis Bandaran dan Pejabat Kesihatan tidak ada satu rancangan untuk follow-up selepas itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itulah yang dikatakan oleh Menteri tadi, kalau pun kurang follow-up dari Kementerian, adakah pihak Ahli Yang Berhormat menolong membetulkan apa-apa yang dibuat di dalam kampung itu?

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan nyamuk aedes yang beri rakyat sakit itu, adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa di Bumbung Bangunan Parlimen ini ada breeding ground bagi nyamuk aedes dan anopheles?

Tuan Yang di-Pertua: Ini satu soalan yang tidak ada jawapan.

Tuan Ng Hoe Hun: Barangkali Menteri yang berkenaan tidak tahu bahawa Bangunan Parlimen ini ada satu tempat breeding ground for the whole nation, apakah sebabnya tidak mahu dihapuskan nyamuk di Bangunan Parlimen dahulu?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Bangunan Parlimen ini ada suatu Jawatankuasa. Jikalau Ahli Yang Berhormat tahu, itulah kewajipannya untuk beritahu kepada Jawatankuasa ini, atau Ahli Yang Berhormat sendiri naik ke atas untuk menyiasat.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya sendiri sudah periksa bahawa di Bangunan Parlimen ini ada breeding ground. Airnya 6 inci dan ada mosquitoes larva. Saya hendak beritahu Menteri yang berkenaan bahawa di Parlimen ini ada breeding ground, ada nyamuk aedes dan anopheles, adakah sedar? Kalau tidak sedar, saya beritahu sekarang. Apakah tindakan yang hendak diambil?

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Jawatankuasa yang mengawal atas perkara itu akan mengambil tindakan.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Di kawasan saya di General Hospital Taiping, ada seorang pegawai Kerajaan yang tidak sakit malaria, atau apa-apa

penyakit nyamuk pun, dia masuk hospital itu 6 bulan, kemudian keluar dia dapat penyakit nyamuk, adakah beliau sedar atau tidak di hospital tersebut?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Menteri tidak boleh menjaga Ahli Yang Berhormat itu tidur pada tiap-tiap malam.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya sedar. Saya pun bukan seorang Ahli Visiting Board dan tidak ada dilantik Ahli Parlimen dari Pembangkang, bagaimana saya hendak jaga hospital di tempat saya, ini saya beritahu. Masaalah di Taiping itu, apakah tindakan yang hendak diambil, dan pada masa yang akan datang, tidak ada pesakit yang masuk ke hospital dan bila keluar kena penyakit nyamuk.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri tidak jawab.

Tuan Ng Hoe Hun: Pandai (*Ketawa*).

KEMALANGAN JALANRAYA

8. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa kemalangan jalanraya yang dahsyat kerap berlaku berhampiran dengan Kawasan Bandar Tanjong Malim dan jika ya, samada beliau bersedia berunding dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan mencadangkan supaya Polis di Tanjong Malim diberi latihan pertolongan cemas supaya dalam kes-kes di mana Polis tiba di tempat berlakunya kemalangan terlebih awal daripada ambulan, mereka boleh memberikan pertolongan cemas kepada mangsa-mangsa kemalangan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Tiap-tiap anggota Polis memang diberi latihan pertolongan cemas semasa dalam latihan rekrut. Adalah juga tanggungjawab utama Polis memberi pertolongan cemas kepada mereka yang memerlukan dan menyelamatkannya bukan sahaja di kawasan Tanjong Malim bahkan di mana-mana juga tempat, sekiranya ada kejadian kemalangan itu.

TEKSI—GANTUNG LESEN DREBAR

9. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri perhubungan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa pemandu-pemandu teksi di Bandaraya Kuala Lumpur dan lain-lain bandar di Semenanjung Malaysia enggan mengambil penumpang-penumpang dalam perjalanan jarak dekat atau dalam perjalanan di sekitar bandaraya sahaja oleh kerana tambangnya rendah, dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka;
- (b) iaitu untuk menggalakkan keadaan di atas samada Kementerian beliau bercadang hendak memulakan satu sistem baru dengan mengenakan tambang 80 sen bagi satu batu yang pertama dan 20 sen tambahan bagi tiap-tiap setengah batu kemudiannya; dan
- (c) sejak bilakah tambang teksi sebanyak 40 sen dikenakan bagi satu batu yang pertama dan samada Kerajaan bercadang untuk memulakan kadar tambang teksi yang baru sesuai dengan zaman, dan jika tidak, mengapa.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ada beberapa aduan telah diterima oleh Jabatan Pengangkutan Jalan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu dan Pendaftar dan Pemeriksa (Kanan) Kereta-kereta Motor Selangor telahpun mengambil tindakan menggantung lesen-lesen derebar-derebar teksi yang berkenaan itu.
- (b) Perkara ini sedang dikaji.
- (c) Tambang sebanyak 40 sen sebatu ini dikenakan sejak tahun 1958 dan tambang baru telah di kaji dan dipersetujui oleh Kerajaan dinaikan 10 sen pada tiap-tiap sebatu yang pertama.

Tuan Hashim bin Gera: Adakah Menteri Perhubungan mengetahui berkenaan dengan bas-bas pelancung dari Siam telah mengambil penumpang-penumpang dari Pulau Pinang dibawa ke Johor Bahru dan dari Johor Bahru dibawanya balik dan diturunkan di

Seberang Prai dengan melalui wakil-wakil pelancung di Malaysia ini. Wakil-wakil pelancung itu menulis tambang melawat ke Singapura dan balik, tetapi yang datang mengambilnya bas daripada negeri Siam. Oleh sebab itu, saya bertanya Menteri Perhubungan bahawa bas Siam mengambil penumpang, sedangkan bas Malaysia kosong sahaja. Aduan ini saya terima daripada drebar teksi dan bas. Jika Menteri buat diam, bas Siam bertambah manja, apakah tindakan akan dibuat?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya sendiri telah merujuk perkara ini kepada pihak Polis supaya adakan spot check, kerana mereka boleh check kad pengenalan orang yang naik bas itu. Sekiranya ada orang dari Malaysia ini naik bas Siam itu, kalau tak ada keterangan yang cukup, kita tak boleh ambil tindakan dan perkara seperti itu kita serahkan kepada pihak Polis dengan kerjasama pihak Jabatan Pengangkutan Jalan Raya untuk menyiasat perkara itu. Sekiranya betul ada perbuatan yang salah mengikut Undang-undang Lalulintas, kita akan mengambil tindakan. Tetapi oleh kerana hubungan negeri Thai dengan Malaysia ada satu Jawatankuasa Sempadan yang selalu kita rojok tentang kenderaan daripada luar negeri yang hendak masuk ke Malaysia mestilah ada insurance—itu yang pertama sekali kadang-kadang kenderaan dari Siam—di sana insurance tidak compulsory, tetapi kita telah bersetuju, di sempadan itu kalau tak ada insurance, mereka mesti ambil insurance selama mereka berada di Malaysia, kalau tidak, salah. Itu yang saya telah ambil tindakan. Perkara ini tidak didiamkan dan dimanja-manjakan.

PELAJARAN ANAK-ANAK ANGGOTA POLIS/TENTERA

10. Dr Tan Chee Khoo (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar:

- (i) bahawa taraf pelajaran anak-anak anggota-anggota Polis dan angkatan Tentera merosot kerana seringkali penukaran mereka; dan
- (ii) jika sedar, nyatakan langkah-langkah yang Kerajaan bercadang mengambil untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, jawapan (i) & (ii) saya tidak ada butir-butir yang menunjukkan bahawa taraf pelajaran anak-anak anggota Polis dan Angkatan Tentera telah merosot. Tetapi apa yang saya tahu, ada juga anak-anak Polis dan anak-anak Angkatan Tentera yang telahpun lulus dari universiti-universiti kita. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian Pelajaran telah mengadakan 160 buah asrama Sekolah-sekolah Menengah tertentu dan kesempatan telah diambil oleh anak-anak anggota Polis dan Angkatan Tentera untuk mendapatkan tempat di asrama-asrama itu. Pihak Angkatan Tentera sendiri sedang berusaha juga untuk membina asrama-asrama khas bagi anak-anak mereka. Begitu juga pihak Polis. Mereka telah mengada beberapa asrama untuk anak-anak mereka di beberapa bandar dalam negara kita ini.

JENTERA-JENTERA LEBUHRAYA TIMUR-BARAT—KEROSAKAN

11. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan bahawa baru-baru ini banyak bulldozer, trektor dan juga jentera-jentera membuat jalan Timur Barat telah diletupkan oleh pengganas-pengganas komunis

- (a) adakah apa-apa kawalan yang ketat yang dijalankan untuk menjaga keselamatan jentera-jentera yang mahal ini;
- (b) samada Kerajaan akan memberi senjata-senjata kepada pekerja-pekerja ini supaya mereka boleh menjaga keselamatan mereka sendiri dan keselamatan jentera-jentera ini; dan
- (c) samada benar bahawa oleh kerana musnahnya jentera-jentera ini maka projek ini akan tergendala, jika ya, berapa lama.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kawalan yang cukup telah dibuat terhadap jentera-jentera tersebut dengan menyimpan jentera-jentera itu berdekatan dengan khemah-khemah Pasukan Kawalan dan juga rondaan-rondaan dibuat di sepanjang Lebuhraya itu. Tetapi oleh kerana kerja membuat jalanraya sentiasa bergerak dan pada masa kejadian ini banyak

kerja telah siap maka wajar jentera-jentera tersebut ditinggalkan di tempat kerja untuk mengelakkan terbuang masa berulang alik untuk disimpan dekat khemah Pasukan Keselamatan memandangkan jentera ini berjalan tidak lebih 5 batu satu jam. Selain daripada itu jentera-jentera ini ialah jentera berat yang boleh merosakkan kerja yang telah siap dalam perjalanannya untuk disimpan.

- (b) Pemberian senjata kepada pekerja adalah di dalam timbangan.
- (c) Memanglah benar kerja akan terlewat sedikit dari jadualnya, tetapi kelewatan ini sedang diatasi dengan menarik beberapa jentera dari projek-projek yang lain-lain yang rendah keutamaannya berserta memperbaiki jentera-jentera yang telah rosak itu dengan segera.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana kemusnahan jentera-jentera untuk membuat jalanraya Timur-Barat seperti Yang Berhormat Menteri mengatakan tadi sentiasa bergerak, maka pada hari yang akan datang adakah jagaan-jagaan yang lengkap atau cukup untuk menahan supaya perbuatan yang ganas itu tidak akan berlaku lagi?

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini jentera-jentera itu disimpan di dalam tempat yang berpagar dan dipasangkan lampu-lampu keselamatannya dan dikawal oleh pihak pasukan keselamatan. Jadi langkah itu telahpun dijalankan dan akan diteruskan pada masa hadapan untuk mengawal keselamatan jentera-jentera ini pada masa pekerja-pekerja tidak bekerja yakni di waktu malam dan waktu hari-hari kelepasan.

12. Tuan R. C. M. Rayan: *Tidak hadir.*

PENGANGKUTAN PERCUMA KEPADA MURID LUARBANDAR

13. Tuan Loh Jee Mee (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau bercadang memberikan pengangkutan percuma kepada murid-murid di luarbandar yang belajar di sekolah-sekolah di kawasan bandar; jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya tidak. Setakat ini Kementerian Pelajaran telah memberi banyak kemudahan-kemudahan kepada murid-murid sekolah seperti biasiswa, tempat percuma, pinjaman buku-buku, tempat-tempat dalam asrama-asrama dan sebagainya.

14. Tuan Chan Siang Sun: *Tidak hadir.*

15. Tuan Lee Seck Fun: *Tidak hadir.*

MAS—PENERBANGAN KE SABAH/SARAWAK

16. Tuan Edwin anak Tangkun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan mengapakah terdapat kelambatan dalam penerbangan-penerbangan MAS baru-baru ini di Wilayah Borneo dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menentukan bahawa kelambatan-kelambatan seperti itu tidak akan berlaku lagi pada masa hadapan.

Tan Sri Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada kejadian kelambatan penerbangan MAS di Sabah dan Sarawak, dan ini ialah kerana beberapa sebab, iaitu seperti sebab-sebab operasi dan kerosakan teknik, udara dan cuaca kurang baik dan juga oleh sebab mulai daripada 27hb April, 1974 hingga 20hb Mei, 1974 Persatuan-persatuan Juruterbang Syarikat MAS telah menarek balik kerjasama (goodwill) kerana tidak dapat menyelesaikan masalah tangga gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang lain. Syarikat MAS telah mengambil tindakan dengan sedaya-upayanya untuk mengelakkan kejadian yang tersebut dan mulai daripada 21hb Mei, 1974, Kesatuan-kesatuan Juruterbang tersebut telah pun menyambong balik kerjasamanya terhadap syarikat dan kedua-dua pihak sekarang sedang berbincang berkenaan dengan tangga gaji dan sebagainya. Kelambatan-kelambatan penerbangan adalah perkara lazim berlaku bukan sahaja bagi MAS bahkan juga bagi Syarikat-syarikat penerbangan yang lain dan Syarikat MAS telah dan sedang mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengelakkan berlaku sebarang kelambatan dan pihak MAS dukacitalah atas kejadian yang sudah itu kita harap tidak terjadi lagi.

DOKTOR-DOKTOR—KEKURANGAN

17. Tuan Edwin anak Tangkun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang dijalankan bagi mengatasi kekurangan doktor-doktor dan kakitangan-kakitangan perubatan yang lain di Sarawak supaya lebih banyak lagi hospital-hospital daerah dapat diadakan bagi penduduk-penduduk kawasan luar bandar yang miskin dalam daerah mereka sendiri dan supaya setiap daerah yang ditadbirkan mempunyai sebuah hospital daerah.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, bilangan pelatih-pelatih pra-medical telah bertambah daripada 40% hingga 100% untuk mengatasi bukan sahaja kekurangan kakitangan pada masa ini, tetapi juga menyediakan tenaga manusia untuk projek-projek baru yang dirancang di dalam tempuh Rancangan Malaysia Kedua ini. Semenjak tahun 1971, seramai 418 pelatih-pelatih telah tamat latihan daripada beberapa buah sekolah latihan bagi kakitangan pra-medical di Kuching, Sibuan dan Miri.

Berbagai langkah telah diambil untuk mengatasi kekurangan doktor-doktor di bawah Kementerian saya. Bagi negeri Sarawak kekurangan Doktor-doktor itu telah diaturkan oleh Kementerian saya dan juga bagi pihak Public Services Commission, Sarawak telahpun mengambil doktor-doktor dari luar negeri. Jadi kekurangan doktor-doktor di Negeri Sarawak ini keadaannya telah bertambah pada masa ini

Tuan Edwin anak Tangkun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana kekurangan doktor dalam Malaysia ini, adakah Kerajaan bercadang membanyakkan lagi rakyat Malaysia dihantar belajar ilmu kedokteran di masa akan datang?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu barangkali maklum, sekarang banyak bilangan penuntut-penuntut mengambil bahagian dalam Medical Faculty University of Malaya. Jadi, Medical Faculty, University of Malaya sekarang ini tiap-tiap tahun dapat mengeluarkan 120 orang doktor baharu, dan juga penuntut-penuntut bersendirian yang belajar di Universiti-universiti Singapura, India, Australia dan United Kingdom. Kementerian

saya adalah menggalakkan doktor-doktor yang mahir untuk menjalankan post graduate course di Universiti Malaya atau di Universiti di seberang laut.

Tuan Edwin anak Tangkun: Pada masa yang lepas di Negeri Sarawak banyak juga doktor-doktor di General Hospital Kuching, Sibu dan Semanggang meletakkan jawatan Kerajaan. Apakah tindakan Kerajaan sekiranya banyak rakyat Malaysia yang sudah lulus dalam bidang kedokteran selepas lima tahun bekerja dengan Kerajaan meletakkan jawatan; apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya kita dapat menahan doktor-doktor itu bekerja dengan pemerintah.

Tan Sri Lee Siok Yew: Negeri kita ialah sebuah negeri yang mengikut demokrasi. Kita cuma ada hak untuk menahan doktor-doktor dan pakar berkhidmat dengan Kerajaan, jika mereka itu scholars. Bagi doktor bersendirian, kita tidak boleh memaksa. Satu undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan ini dua tahun yang lalu ialah memaksa doktor-doktor mahir yang keluar daripada universiti perubatan berkhidmat selama dua tahun di bawah Kementerian Kesihatan. Selepas dua tahun itu mereka adalah bebas.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar di antara sebab-sebab doktor-doktor di Sarawak keluar daripada perkhidmatan Kementerian Kesihatan ialah mereka dapat gaji yang kurang daripada rakannya di Semenanjung Malaysia. Jika Menteri yang berkenaan sedar apakah tindakan beliau akan ambil supaya doktor-doktor di Sarawak boleh dapat gaji yang serupa dengan rakan-rakannya di Semenanjung Malaysia?

Tan Sri Lee Siok Yew: Barangkali Ahli Yang Berhormat itu mendapat salah information. Doktor-doktor yang berkhidmat di Sarawak yang sebenarnya gajinya adalah lebih sedikit daripada doktor-doktor di Semenanjung Malaysia. Mengikut rekod Jabatan Perkhidmatan Awam, gaji mereka ini pada masa yang lalu ialah lebih daripada kita di sini, bukan kurang.

Dr Tan chee Khoon: Adakah Menteri yang berkenaan sedar Superscale Post di Sarawak tidak berapa banyak? Oleh sebab itu, doktor di sana tidak ada peluang untuk

naik Superscale seperti yang ada di Semenanjung Malaysia. Walaupun seorang doktor pakar berkhidmat di Sarawak, umpamanya, 10 tahun lebih mereka cuma memegang Superscale "F" atau Superscale "G", tetapi rakannya di Semenanjung Malaysia boleh naik ke Superscale "E" atau "D" atau ada banyak Superscale "C" dan "B".

Tan Sri Lee Siok Yew: Tidak ada doktor pakar yang berkhidmat 10 tahun di naikkan ke Tingkatan Tertinggi "C", tidak ada satu pun. Barangkali benar, Superscale Post di Sarawak ada kurang sedikit. Kementerian saya telah berhubung dengan pihak yang berkuasa di Sarawak supaya Superscale Post bagi doktor-doktor di Sarawak di tambah.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Menteri yang berkenaan sedar untuk menggalakkan doktor di Sarawak bekerja di hospital atau pusat kesihatan di luarbandar, maka Kementerian Kesihatan boleh menggalakkan doktor itu dengan memberi insentif elaun kepada mereka supaya mereka boleh berkhidmat di pusat-pusat kesihatan atau hospital semumpama Hospital Kapit?

Tan Sri Lee Siok Yew: Soal ini sedang dikaji oleh Kementerian saya dan saya sendiri telah melawat ke negeri Sarawak beberapa kali, dan saya adalah lebih faham keadaan doktor-doktor di negeri itu daripada Ahli Yang Berhormat dari Batu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa soal jawab sudah cukup.

(Jawapan-jawapan No. 12, 14 dan 15 adalah diberi di bawah ini).

PEPERIKSAAN S.R.P./L.C.E.— OBJEKTIF

12. Tuan R. C. M. Rayan minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa sistem objektif untuk memeriksa kertas-kertas S.R.P. lebih mendatangkan bahaya daripada kebaikan kepada murid-murid (walaupun pemeriksa mendapatinya senang dan selesai untuk memeriksa kertas-kertas itu), kerana kebanyakan daripada penuntut-penuntut tidak peduli hendak tahu akan ejaan nama-nama atau perkataan-perkataan yang mereka diminta menandakan-nya, jika ya, adakah beliau akan ambil

langkah-langkah yang sesuai serta perlu untuk mengatasi kelemahan sistem ujian objektif ini.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tidak. Sebenarnya sistem peperiksaan S.R.P./L.C.E. sekarang, menggabungkan 2 kaedah ujian, iaitu cara objektif dan cara tradisional. Matapelajaran-mata pelajaran cara tradisional ialah mata pelajaran-mata pelajaran bahasa, muzik, senilukis dan ugama manakala mata pelajaran yang lain-lain adalah cara objektif. Gabungan kaedah-kaedah ini dapat menilai matlamat pendidikan dengan baik kerana ujian cara objektif dapat menilai kebolehan kanak-kanak mengingat, memahami, menganalisa dan menilai berkenaan dengan isi pelajaran, manakala ujian cara tradisional dapat menilai kebolehan kanak-kanak mengeja, menulis dan menyampaikan pendapat serta pengetahuan.

SEKOLAH MENENGAH VOKESYENAL

14. Tuan Chan Siang Sun minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan yayasanyayasan dan pusat-pusat latihan vokesyenal yang telah ditubuhkan oleh Kementerian beliau di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan nyatakan samada beliau akan menubuhkan lebih banyak lagi yayasanyayasan vokesyenal untuk melatih murid-murid yang akan cicir pada masa akan datang.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: 7 buah sekolah menengah vokesyenal dan 5 buah sekolah menengah teknik telah dibuka dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua.

5 buah sekolah menengah vokesyenal dan sebuah sekolah menengah teknik sedang dalam pemb.naan dan dijangka siap pada tahun 1975/1976. Rancangan untuk membuka sebuah lagi Politeknik di Kuantan sedang diuruskan.

Kementerian Pelajaran akan memberi pertimbangan untuk menubuhkan lebih banyak lagi yayasanyayasan vokesyenal jika keadaan memerlukan dan kedudukan kewangan mengizinkan.

PELANCUNG—PELANCUNG— SUNGUTAN

15. Tuan Lee Seck Fun minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan kepada banyaknya sungutan dibuat

oleh pelancung-pelancung luar negeri bahawa masa selama dua minggu mereka tinggal di Malaysia tidak memberikan mereka masa yang cukup untuk melawat tempat-tempat menarik, samada Kementerian beliau akan menimbang memanjangkan lagi tempoh tinggal dari dua minggu kepada sebulan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Setahu saya tidak ada sungutan-sungutan yang telah diterima oleh Kementerian ini daripada pelancung-pelancung, dan saya harap Ahli Yang Berhormat itu dapat mengemukakan bukti-bukti yang diterimanya untuk tindakan yang perlu. Walaupun demikian, mengikut peraturan sekarang pelawat-pelawat asing yang pada biasanya memerlukan visa untuk melawat Malaysia, kebenaran masuk tanpa visa adalah diberi untuk lawatan tidak lebih daripada 7 hari. Jika mereka itu ingin melakukan lawatan ke Malaysia lebih daripada 7 hari, mereka adalah dikehendaki mendapatkan visa daripada Kedutaan atau Wakil Konsul Malaysia yang berhampiran sebelum memulakan lawatan itu dan visa tersebut boleh diberi bagi tempoh lebih daripada 2 minggu sehingga 3 bulan.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi pertanyaan No. 18 hingga No. 46 adalah diberi di bawah ini).

SYARIKAT MINYAK SUMMIT— PENUTUPAN

18. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada benar bahawa Syarikat Minyak Summit di Utara Semenanjung Malaysia akan ditutup tidak berapa lama lagi, dan jika ya, bolehkah Menteriannya mengambil tindakan untuk menjamin supaya kekurangan minyak tanah tidak akan berlaku di Utara Semenanjung Malaysia.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Syarikat Minyak Summit di Utara Semenanjung Malaysia akan ditutup, jika mereka belum lagi berbuat sedemikian. Untuk menjamin supaya kekurangan minyak tanah tidak akan berlaku di Utara Semenanjung Malaysia, Kementerian telahpun mendapat persetujuan dari syarikat-syarikat minyak tempatan iaitu kekurangan ini akan dipenuhi oleh mereka.

MAS—TAMBANG PENERBANGAN NAIK

19. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Perhubungan menyatakan mengapakah MAS telah menaikkan tambangnya bagi penerbangan di Wilayah Borneo dan antara Sabah dan Sarawak dan Ibukota Persekutuan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Syarikat MAS telahpun menaik tambang penerbangan dalam negeri dan luar negerinya untuk menampung kekurangan-kekurangan perbelanjaan kerana naiknya harga minyak kapalterbang dan harga-harga barang lain pada keseluruhannya. Harga barang-barang dan harga minyak kapalterbang telahpun naik dengan tingginya semenjak perlancaran Syarikat MAS pada 1hb Oktober, 1972. Maka perlulah Syarikat MAS mengambil tindakan yang tertentu untuk menampung kekurangan-kekurangan perbelanjaannya. Syarikat penerbangan-penerbangan lain dalam dunia telah juga menaikkan harga tambangnya dan setengah-setengah Syarikat Penerbangan lain telah menaik harga tambang penerbangan dalam negeri lebih tinggi daripada kadar yang dinaikkan oleh Syarikat MAS.

TANAMAN PADI/TEBU/NENAS— KAJIAN

20. Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada Kementerian beliau akan menjalankan suatu kajian kemungkinan pertanian bagi penanaman padi, tebu atau nenas secara besar-besaran di Jalan Gedong berdekatan Triboh Skim dalam Daerah Serian, Bahagian Pertama, bagi membolehkan penubuhan kilang-kilang memproses gula dan buah-buahan di kawasan-kawasan desa di Sarawak.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Siasatan kemungkinan akan dijalankan oleh Jabatan Pertanian dengan menggunakan Syarikat Perunding ataupun pakar bantuan luar, jika perlu untuk mengkaji samada kawasan Gedong, berhampiran dengan Sekim Triboh di Daerah Serian itu sesuai bagi tanaman padi atau tebu atau nenas secara besar-besaran untuk menubuhkan kilang-kilang memproses.

Menurut maklumat yang diketahui oleh Jabatan Pertanian kesuburan tanah di kawasan itu adalah sesuai untuk tanaman padi. Pada keseluruhannya kawasan itu mengandungi tanah gambut yang dalam amnya. Kawasan yang demikian, besarnya tidak ekonomik untuk tanaman tebu ataupun nenas secara besar-besaran. Dengan hal yang demikian itu dipercayai kemungkinan untuk menubuhkan kilang-kilang memproses gula dan buah-buahan tidak cerah.

MOGOK DAN KEHILANGAN MANDAYS

21. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (i) bilangan mogok; dan
- (ii) jumlah bilangan masa kerja (man-hours) terhilang akibat pemogokan-pemogokan bagi setiap tahun dalam tempoh 10 tahun yang lalu dan juga bagi tujuh bulan yang pertama dalam tahun 1974.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Bilangan pemogokan dan jumlah kehilangan "mandays" bagi tiap-tiap tahun sejak sepuluh tahun yang lepas dan bagi tahun ini sehingga 30-6-1974 adalah seperti berikut:

Tahun		Bilangan Pemogokan		Bilangan Kehilangan "Mandays"
1964	...	85	...	508,439
1965	...	46	...	152,666
1966	...	60	...	109,915
1967	...	45	...	157,984
1968	...	103	...	280,417
1969	...	49	...	76,779
1970	...	17	...	1,867
1971	...	45	...	20,265
1972	...	66	...	33,455
1973	...	66	...	40,866
1974	...	47	...	49,553
(1hb Jan-30hb Jun)				

**PEJABAT PENGANGKUTAN
KANGAR/IBU KOTA
KUALA LUMPUR**

22. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) samada beliau bercadang untuk menubuhkan lebih banyak lagi pejabat-pejabat Jabatan Pengangkutan Jalanraya di semua bandar di Malaysia di mana terdapat ramai pemandu-pemandu dan tuannya-tuannya kenderaan pengangkutan untuk memudahkan pembaharuan lesen-lesen memandu dan pembayaran cukai jalan;
- (b) samada beliau sedar akan kesesakan di semua pejabat-pejabat Jabatan Pengangkutan Jalanraya di seluruh negara sekarang ini, dan jika sedar, apakah tindakan yang akan beliau ambil dalam perkara ini; dan
- (c) samada beliau sedar bahawa dengan bertambahnya bilangan kenderaan pengangkutan dan pemandu pada masa sekarang, lebih banyak lagi Jabatan-jabatan Pengangkutan Jalanraya perlu ditubuhkan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada orang ramai.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

- (a) Dua lagi pejabat untuk kesenangan orang-orang awam akan dibuka tidak berapa lama lagi satu di Kangar dan satu lagi bagi Ibu Kota Kuala Lumpur.
- (b) Tindakan menukar lesen derebar lama kepada lesen derebar yang baru pada 25-3-74 telah menyebabkan kesesakan pada mula-mulanya tetapi apabila semua lesen-lesen yang lama itu telah diganti dengan yang baru, seseorang yang hendak membaharui lesen derebar akan memakan masa tidak lebih dari 2 atau 3 minit sahaja.
- (c) Perkara menambah pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor akan dikaji dari satu tahun ke satu tahun dan jika perlu akan ditimbang.

SENJATAPI—PEMILIK-PEMILIK

23. Tuan Adwin anak Tangkon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, memandangkan bahawa keadaan pem-

berontakan di Sarawak sedang berakhir samada kelulusan memberi lesen senapang patah dan pengeluaran peluru-peluru senapang patah boleh dilonggarkan terutama kepada bumiputra-bumiputra dan bilakah senjata-pi-senjata-pi yang telah diserahkan semasa permulaan pemberontakan dalam tahun 1962 akan dikembalikan kepada pemilik-pemiliknya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Saya sedang menimbangkan perkara ini kerana ianya adalah bergantung kepada keadaan keselamatan pada sesuatu ketika dan tempat. Untuk makluman Yang Berhormat di Bahagian 4 dan 5 pemilik-pemilik senjata-pi yang telah menyerahkan senjata-pi-senjata-pi mereka kepada Polis telah dibenarkan memohon untuk mendapatkan kembali senjata-pi-senjata-pi mereka itu. Kelulusan adalah bergantung kepada keperluan dan kelayakan seseorang itu untuk memiliki senjata-pi.

SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN

24. Tuan Tan Cheng Bee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kementerian beliau akan menimbang memulakan satu sistem di mana pemegang-pemegang lesen perniagaan akan diingatkan mengenai tarikh mati lesen-lesen mereka, sebagaimana yang sedang dibuat oleh Jabatan Radio dan Talivisyen Malaysia kepada pemegang-pemegang lesen Radio dan Talivisyen.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Tan Cheng Bee supaya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengadakan satu sistem menyerupai Jabatan Radio dan Talivisyen Malaysia yang mana pemegang-pemegang Sijil Perniagaan akan diberi ingatan ke atas tarikh tamat sijil-sijil mereka, adalah tidak perlu.

Pada tarikh 30hb Jun, 1974 terdapat 190,177 Sijil-sijil Pendaftar Perniagaan yang sah dikeluarkan oleh Pendaftar Perniagaan dan pada setiap sijil tersebut tercatat tarikh tamat tempohnya.

Menurut peruntukan Seksyen 5 (7) Ordinan Pendaftaran Perniagaan 1956, Pemegang Sijil Pendaftaran dikehendaki mempamerkan

Sijil Pendaftaran tersebut dengan jelas di tempat yang mudah dilihat, di tempat perniagaan utama dan juga di cawangan-cawangan perniagaan. Sekiranya pemegang sijil tersebut mematuhi peruntukan ini dengan sewajarnya maka Sijil Pendaftaran itu dengan sendirinya akan sentiasa mengingatkan si-pemegang sijil tarikh yang harus dibaharui.

Tambahan pula, pendaftaran Perniagaan telah terlebih dahulu memberi amaran kepada pemegang-pemegang Sijil Pendaftaran, tiap-tiap sijil pendaftaran mengandungi teguran yang dicetak berbunyi:—
“SURAT INGATAN TIDAK AKAN DI-KELUARKAN UNTUK MEMBAHARUI SIJIL AKUAN”.

LESEN TEKSI/KERETA SEWA DI PARBOI

25. Tuan V. Veerappen minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa satu lesen teksi telah diberi kepada seorang yang tinggal di Bukit Mertajam untuk pengkalan “Parboi” sungguhpun tidak ada nama tempat seperti itu di kawasan Bukit Mertajam tetapi ada satu tempat yang bernama Parboi di Simpang Ampat, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan. Jika sedar, bolehkah beliau membenarkan satu pengkalan teksi di situ oleh kerana ramai orang di situ meminta teksi dan bolehkah beliau meluluskannya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Lesen-lesen teksi/kereta sewa adalah dikeluarkan menurut nasihat daripada Kerajaan-kerajaan Negeri. Apabila ada kekosongan lesen teksi/kereta sewa, pemohon-pemohon akan ditimbang oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan. Berkenaan dengan lesen taksi di Parboi itu, Jabatan Pengangkutan Jalan akan menyiasatnya.

TOLL—PUNGUTAN

26. Tuan Ng Hoe Hun bertanya kepada Menteri Kerja Raya dan Tenaga:

- (a) berapa lamakah lagi kerajaan akan terus mengutip bayaran tol di Toll Gate, Slim River/Tanjong Malim;
- (b) berapa banyakkah wang yang sudah dikutip dari masa ianya dibuka hingga bulan Disember 1973; dan
- (c) jumlah wang yang telah dibelanjakan kerana membina Lebuhraya Slim River/Tanjong Malim.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):

(a) Sepertimana yang telah saya beritahu dalam masa soaljawab pada 19-7-1974, pada masa ini satu kajian mengenai polisi pungutan toll sedang dijalankan. Oleh itu sehingga satu keputusan mengenainya dicapai, soal berapa lamakah lagi Kerajaan akan mengutip bayaran toll di Toll Gate, Slim River belum dapat dipastikan.

(b) sebanyak \$8,084,790.

(c) sebanyak \$5,443,809.

UJIAN LISAN BAHASA MALAYSIA S.R.P./S.P.M.

27. Tuan R. C. M. Rayan minta Menteri Pelajaran menyatakan samada markah yang didapati dalam ujian lisan Bahasa Malaysia di dalam:

(i) Peperiksaan S.R.P., dan

(ii) Peperiksaan S.P.M.

akan dikira sebelum memutuskan samada seseorang calon itu telah lulus atau gagal dalam peperiksaan bertulis Bahasa Malaysia.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tidak.

FELDA—PENDAPATAN PENEROKA

28. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas khas menyatakan samada benar bahawa pendapatan peserta-peserta FELDA memuaskan. Berapakah pendapatan purata peserta-peserta dalam rancangan penanaman getah dan kelapa sawit sebulan. Apakah usaha-usaha yang telah dijalankan untuk mengawal aliran keluar wang mereka supaya mendatangkan keuntungan kepada peserta-peserta.

Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Memang benar bahawa pendapatan bagi keseluruhan peneroka-peneroka FELDA sekarang ini memuaskan. Pendapatan ini adalah berdasarkan harga pasaran bagi bahan-bahan yang dihasilkan itu mengikut harga pasaran yang didapati sekarang dan juga keluasan ladang-ladang yang diuntukkan bagi seseorang peneroka itu. Hitung panjang pendapatan bersih seseorang peneroka rancangan

getah yang mempunyai lot-lot seluas 6 hingga 8 ekar ialah lebih kurang di antara \$200 hingga \$550 sebulan dan bagi rancangan-rancangan kelapa sawit yang lot-lotnya telah diberi di antara 8 hingga 10 ekar, hitung panjang pendapatannya ialah di antara \$250 hingga \$600 sebulan. Hasil pendapatan bulanan ini juga adalah teriakluk kepada keadaan iklim dan lain-lain faktor yang sering terdapat pada jenis-jenis tanaman itu.

Usaha-usaha yang telah dijalankan untuk mengawal aliran keluar wang peneroka supaya mendatangkan keuntungan pada peneroka-peneroka sendiri ialah:

- (i) Menggalakkan peneroka untuk membeli saham-saham Perbadanan Kedai-kedai FELDA yang khusus ditubuhkan untuk tujuan ini dalam tahun 1972.
- (ii) Mengadakan kempen jimat-cermat dan menyimpan wang.
- (iii) Menggalakkan peneroka-peneroka untuk membuat simpanan dengan Tabung Haji.
- (iv) Menggalakkan peneroka-peneroka menambah yuran mereka dengan tujuan untuk membeli lori dan traktor bagi mengangkut bahan-bahan seperti buah kelapa sawit.
- (v) Menggalakkan peneroka-peneroka dalam bidang perdagangan seperti kedai-kedai runcit dan gerai dan juga dalam bidang perusahaan kecil yang lain.

Selain dari langkah-langkah yang telah dijalankan seperti yang tersebut di atas, kementerian saya juga sekarang ini sedang mengkaji kemungkinan Ajensi-ajensi Kerajaan yang berkenaan seperti MARA, UDA, PERNAS, Perbadanan Kemajuan Negeri dan pihak FELDA sendiri supaya mempergiatkan segala usaha-usaha di lapangan perniagaan dalam kawasan-kawasan FELDA yang sesuai bagi mengujudkan dan membangun pusat-pusat perniagaan yang mencukupi dan lebih "sophisticated" selaras dengan keperluan masyarakat rancangan yang moden yang sudah mempunyai kuasa membeli (purchasing power) yang teguh pada masa ini.

Kegiatan-kegiatan atau usaha-usaha dalam mengujudkan pusat-pusat perniagaan dalam rancangan-rancangan FELDA ini akan menguntungkan mereka kerana dengan adanya rancangan ini mereka beroleh faedah

serta keuntungan dalam lapangan perniagaan yang dapat dinikmati oleh peneroka itu sendiri dan dengan ini juga akan dapat mengawal mengalirnya keluar wang pendapatan bulanan mereka.

KAPALTERBANG GULFSTREAM II—PERDANA MENTERI

29. Tuan V. David minta Menteri Perhubungan menyatakan adakah benar yang Perdana Menteri tidak menggunakan penerbangan MAS semasa menghadiri Persidangan Islam di Lahore. Jika ya, nyatakan dengan kapalterbang syarikat manakah beliau telah pergi.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Adalah benar bahawa Y.A.B. Perdana Menteri tidak menggunakan kapalterbang MAS untuk pergi ke persidangan Islam di Lahore.

Kapalterbang yang digunakan ialah penerbangan Gulfstream II kepunyaan Negeri Sabah.

KETUA POLIS NEGARA— PEMBUNUHAN

30. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah keterangan-keterangan yang didapati mengenai pembunuhan Ketua Polis Negara kita, Allahyarham Tan Sri Abdul Rahman bin Hashim baru-baru ini yang menunjukkan bahawa jenayah itu dilakukan oleh penganas-penganas kominis atau puak-puak pelampau.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Siasatan atas pembunuhan ini masih belum selesai dan oleh itu saya tiadalah dapat memberi kenyataan lanjut mengenai perkara ini.

PERDANA MENTERI— KESELAMATAN

31. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandang bahawa seorang yang terkemuka dalam negara kita telah dibunuh oleh anti-nasional baru-baru ini, adakah apa-apa rancangan untuk mengadakan kenderaan-kenderaan yang tidak lut peluru dan mengenakan langkah-langkah keselamatan yang ketat bagi pemimpin-pemimpin kita iaitu

Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan lain-lain Menteri serta adakah apa-apa sistem tertentu bagi menjaga keselamatan Perdana Menteri kita seperti di Amerika Syarikat di mana mereka mempunyai Ejen-ejen Rahsia (Secret Service Agents) bagi menjaga keselamatan pemimpin-pemimpin mereka siang dan malam.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soalan ini telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri di Sidang Dewan ini pada 17-7-1974.

MINYAK PETROL—HARGA

32. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan, memandangkan kepada jaminan-jaminan beliau beberapa bulan yang lalu bahawa kenaikan harga minyak petrol akan diberi kelulusan Kerajaan, samada Kerajaan dapat memberi jaminan bahawa kenaikan harga minyak petrol ini tidak akan melibatkan Sarawak.

Datuk Haji Adbul Taib bin Mahmud: Kerajaan tidak dapat memberi jaminan bahawa kenaikan harga bahan-bahan petroliam, termasuk minyak petrol, diesel dan lain-lain tidak akan melibatkan Sarawak. Kerajaan telah membuat keputusan yang melibatkan Malaysia Barat dan Timur dan Kerajaan Sarawak dan Sabah hendaklah mematuhi kepada harga-harga yang telah diputuskan itu dengan secepat mungkin.

PERUSAHAAN BERSAMA BUMIPUTRA DI SARAWAK

33. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan firma-firma perdagangan asing di Sarawak. Berapa banyak yang menyertai perusahaan bersama dengan (a) bumiputra; (b) bukan bumiputra; dan (c) lain-lain.

Sila nyatakan siapakah Bumiputra yang menyertai perusahaan bersama dengan firma-firma perdagangan ini di Sarawak.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Dari rekod yang disimpan di Kementerian saya, terdapat 101 buah syarikat asing yang didaftarkan di Sarawak. Angka ini termasuklah syarikat-syarikat perkilangan. Dari jumlah ini 39 buah daripadanya adalah 100% dipunyai oleh warganegara asing.

Bakinya adalah merupakan usaha bersama dengan warganegara Malaysia. Modal Bumiputra terdapat di dalam 19 buah daripadanya dan 3 buah lagi adalah usaha bersama dengan warganegara bukan bumiputra.

Nama-nama Bumiputra yang menyertai perusahaan bersama dengan firma-firma perdagangan di Sarawak adalah sangat banyak dan tidaklah dapat saya sebutkan satu persatunya.

TANAH/PERUMAHAN—KENAIKAN HARGA

34. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan langkah-langkah yang Kerajaan telah ambil untuk mengawal harga tanah dan bahan-bahan binaan daripada melambung tinggi tidak berhenti-henti, supaya membolehkan rakyat Malaysia dari kalangan berpendapatan rendah membeli rumah-rumah yang mereka boleh katakan kepunyaan mereka sendiri.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Kerajaan memanglah sedar terhadap kenaikan harga tanah dan bahan-bahan perumahan sejak akhir-akhir ini. Langkah-langkah yang Kerajaan telah ambil bagi mengawal harga tanah setakat ini ialah dengan mengenakan cukai anti-spekulasi tanah yang telahpun diluluskan oleh Parlimen ini pada bulan Disember, 1973 yang lalu. Di samping itu Kerajaan sedang dan akan berusaha untuk mencari cara-cara dan jalan-jalan yang lain yang sesuai untuk menyekat ataupun mengawal harga tanah yang melambung tinggi ini. Sebuah Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan oleh Kementerian Kemajuan Tapah untuk mengkaji masalah ini.

Mengenai pengawalan harga bahan-bahan pembinaan seperti simen dan batang-batang besi, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut :

- (i) Beberapa bahan-bahan binaan seperti simen dan batang-batang besi telah diisytiharkan sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Dengan pengisytiharan ini pengedaran bahan-bahan itu adalah dikawal. Mereka yang mengendalikan barang-barang ini haruslah menghantar ke

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian suatu penyata bulanan dan juga penyata jualan supaya dapatlah Kementerian ini membetulkan sistem pengedaran jika perlu;

- (ii) Kerajaan juga telah mengenakan sekatan eksport ke atas simen, batang-batang besi, tail-tail mosaic, tail-tail dinding dan juga batu-bata untuk menentukan bekalan bahan-bahan itu diperolehi dalam negeri; dan
- (iii) Kerajaan telah juga menghapuskan semua cukai terhadap pengimpotan batang-batang besi yang menjadi bahan utama dalam industri pembinaan supaya pengimpotan barang-barang ini dari luar negeri dapat dibawa masuk dan menambahkan lagi bekalan yang dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar tempatan. Tail-tail dinding dan tail-tail mosaic juga diberi pengecualian cukai impot supaya bahan-bahan itu dapat dibawa masuk bagi memenuhi keperluan tempatan.

DOKTOR PAKAR DI SABAH— KEKURANGAN

35. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Kesihatan:

- (i) adakah beliau sedar bahawa terdapat kekurangan doktor-doktor seperti berikut di Sabah:
 - (a) doktor bedah pakar otopidik;
 - (b) doktor pakar X-ray;
 - (c) doktor pakar bius;
 - (d) doktor pakar gigi; dan
- (ii) samada Sabah masih lagi berkurangan dengan doktor-doktor pakar yang lain, dan jika ya, nyatakan jenis-jenisnya; dan adakah beliau sedar bahawa bilangan doktor-doktor pakar yang ada sekarang di Sabah masih tidak mencukupi untuk memberikan rawatan perubatan yang lebih baik kepada rakyat, dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menambah bilangan doktor-doktor pakar ini seberapa segera yang boleh.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):

(i) Kementerian Kesihatan adalah sedar bahawa di Sabah tidak ada doktor pakar otopedik, doktor pakar X-ray (diagnostik), doktor pakar bius dan doktor pakar pergigian.

- (ii) Di Sabah ada 11 jawatan pakar termasuk doktor pakar belah, doktor pakar perubatan, doktor pakar mata, doktor pakar kaji penyakit, doktor perbidanan dan sakitpuan, doktor pakar penyakit otak dan doktor pakar bius. Dari jumlah ini satu jawatan doktor pakar bius dan dua jawatan doktor pakar belah masih kosong. Tindakan telah diambil mengiklan jawatan-jawatan ini di seberang laut. Seorang doktor pakar belah dari seberang laut akan tiba di Sabah tidak berapa lama lagi dan urusan mengambil calon-calon yang lain masih berjalan.

Kekurangan pegawai-pegawai pakar adalah satu masalaah terdapat bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh dunia. Oleh yang demikian adalah mustahak kita melatih pegawai-pegawai tempatan dalam bidang-bidang tertentu. Oleh yang demikian Kerajaan telah menawarkan dalam tahun 1974 sebanyak tiga hadiah-hadiah latihan di seberang laut untuk pegawai-pegawai tempatan.

SEKOLAH RENDAH CINA/TAMIL— MENUKAR

36. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan menimbang memansuhkan ceraihan 21 (2) Akta Pelajaran 1961 yang memberi kuasa kepada Menteri Pelajaran untuk menukar sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan kepada sekolah-sekolah rendah kebangsaan supaya memberi makna yang penuh kepada jaminan Kerajaan bahawa sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil akan dibiarkan ujud tanpa ditukar.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tidak.

BANGUNAN-BANGUNAN PEJABAT KERAJAAN

37. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang Kerajaan terpaksa bayar kepada Sektor persendirian sebagai sewa kerana menggunakan bangunan mereka

sebagai pejabat-pejabat Kerajaan dan Badan-badan Berkanun dalam tahun-tahun 1971, 1972 dan 1973 dan samada sebarang rancangan untuk menempatkan pejabat-pejabat ini di bangunan-bangunan Pejabat Kerajaan sendiri.

Menteri Kewangan (Tun Haji Abdul Razak): Jumlah wang yang dibayar oleh Kerajaan kepada Sektor persendirian sebagai sewa kerana menggunakan bangunan-bangunan mereka sebagai pejabat-pejabat Kerajaan dan Badan-badan Berkanun dalam tahun-tahun 1971, 1972 dan 1973 adalah seperti berikut:

Bagi tahun 1971 berjumlah \$2,191,338.23

Bagi tahun 1972 berjumlah \$2,682,040.85

Bagi tahun 1973 berjumlah \$3,807,920.77

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini Kerajaan sedang melaksanakan rancangan-rancangan bagi membina bangunan-bangunan Pejabat-pejabat Kerajaan seperti berikut:

- (a) 13 Bangunan-bangunan Pejabat Kerajaan di Jalan Duta (17 tingkat tiap-tiap satu bangunan);
- (b) Bangunan Pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan di Trengganu, Kota Bahru, Seremban dan Kuantan (13 tingkat tiap-tiap satu bangunan);
- (c) Bangunan Pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan di Alor Star, Ipoh dan Melaka (10 tingkat tiap-tiap satu bangunan);
- (d) Bangunan Pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan di Taiping, Telok Anson, Kangar dan Temerloh.

Oleh itu adalah dijangka penyewaan bangunan di Sektor persendirian akan berakhir dalam tahun 1977.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA— DEKAN FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN

38. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar bahawa Dekan Fakulti Sains Kemasyarakatan di Universiti Sains Malaysia pada masa sekarang adalah seorang warga-negara Amerika, dan jika ia, mengapakah hal ini boleh berlaku sedangkan terdapat di universiti tersebut pensyarah-pensyarah bumiputra yang berkelibar yang layak untuk

menjadi Dekan Fakulti tersebut; dan nyatakan kelayakan-kelayakan yang diperlukan dari seorang pensyarah untuk menjadi Dekan sesuatu fakulti.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Benar. Pertimbangan yang dibuat dalam melantik Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan di Universiti Sains Malaysia berdasarkan kepada kelayakan, pengalaman dan sifat-sifat kepemimpinan seseorang itu. Dalam Pusat Pengajian ini terdapat hanya tiga orang sahaja Pensyarah bumiputra dan ketiga-tiga mereka ini baru mempunyai pengalaman mengajar selama beberapa tahun sahaja di peringkat Universiti. Mereka juga masih lagi membuat persediaan-persediaan untuk mengikuti kursus Ijazah Ph. D di luar negeri.

Kelayakan yang diperlukan dari seseorang Pensyarah untuk menjadi Dekan Sesuatu Pusat Pengajian di Universiti Sains Malaysia adalah sama seperti yang dinyatakan bagi Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan itu.

UBAT-UBAT—KENAIKAN HARGA

39. Dr A. Soorian minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa,

- (i) sementara belanja sara hidup sudah melambung tinggi harga untuk menyambung nyawa adalah lebih tinggi lagi; dan
- (ii) jika sedar, nyatakan bolehkah Kerajaan memasukkan “ubat” sebagai “barang-barang keperluan” untuk mengurangkan bayaran doktor dan juga menolong orang ramai menentang inflasi.

Tan Sri Lee Siok Yew: Kerajaan sedar atas kenaikan harga ubat-ubat.

Pada masa sekarang, Kerajaan tidak ber-cadang memasukkan ubat sebagai “barang-barang keperluan”.

BAYARAN PERUNDINGAN/ PENGURUSAN

40. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan akan mengambil semua langkah-langkah yang perlu untuk menahan syarikat-syarikat di Malaysia yang dikawal dari luar negeri dari:

- (i) membayar bayaran-bayaran perundingan dan pengurusan yang terlalu tinggi kepada syarikat-syarikat ibu mereka; dan
- (ii) membayar bayaran pengarah yang terlalu tinggi kepada pengarah-pengarah syarikat-syarikat ibu mereka yang tinggal di luar negeri oleh kerana ini semua menjadikan prasangka buruk terhadap pemegang-pemegang saham tempatan dan juga Perbendaharaan Malaysia.

Tun Haji Abdul Razak:

- (i) Adalah tidak mungkin bagi Kerajaan untuk mengawal pembayaran bayaran-bayaran perundingan dan pengurusan oleh kerana ini adalah satu perkara di antara syarikat tempatan dan syarikat ibu mereka. Dalam setengah-setengah kejadian, Kerajaan tidak mungkin mendapat angka-angka berkenaan bayaran-bayaran yang dibuat oleh syarikat-syarikat ini dan juga untuk menentukan samada bayaran-bayaran ini terlalu tinggi atau tidak.
- (ii) Berkenaan dengan bayaran pengarah, bayaran ini ditetapkan dalam Tata-urusan Persatuan (Articles of Association). Di sini pun Kerajaan tidak dapat membuat arahan. Adalah terpulang kepada pemegang-pemegang saham untuk membangkitkan perkara ini dalam mesyuarat am dan menanyakan pembayaran itu.

RAPAT UMUM BARISAN NATIONAL—PERBELANJAAN

41. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Kewangan berapa jumlah wang yang dibelanjakan bagi Rapat Umum Barisan Nasional di beberapa buah Negeri terutama di Kuala Lumpur pada 2hb Jun, 1974.

Tun Haji Abdul Razak: Perbelanjaan awam tidak terlibat di dalam Rapat Umum Barisan Nasional yang telah diadakan di beberapa buah negeri.

LORI DITAHAN OLEH KASTAM

42. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan

yang akan diambil oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja terhadap 200 buah lori yang telah dirampas di Melaka.

Tun Haji Abdul Razak: Saya ingin menerangkan bahawa sebenarnya bilangan lori yang telah ditahan oleh Jabatan Kastam di Melaka setakat ini ialah 75 buah dan bukan 200 seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat wakil daripada Batu.

Lori-lori yang telah ditahan adalah hasil daripada satu gerakan yang dimulakan oleh Jabatan Kastam pada awal bulan Mei tahun ini berasaskan daripada maklumat-maklumat yang diterima di atas pengimpotan lori yang telah dipakai menerusi Johor Bahru.

Penyiasatan sedang dijalankan dan Jabatan Kastam sedang mengambil tindakan dengan seberapa segeranya untuk mendakwa di mahkamah, jika perlu mana-mana pihak yang terlibat.

INSURAN—SYARIKAT ASING

43. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan syarikat-syarikat insuran asing yang bergerak di Malaysia dan samada bayaran premium-premium yang dipungut itu dilaburkan semula di negara ini, dan jika tidak, samada Kerajaan menjalankan usaha supaya wang sedemikian dilabur semula di sini.

Tun Haji Abdul Razak: Ada sebanyak 73 buah syarikat insuran asing yang menjalankan perniagaan mereka di Malaysia. Bayaran-bayaran premium yang dipungut oleh mereka adalah dilabur semula di Malaysia. Ini dapat diperhatikan bahawa pada 31hb Mac, 1974, daripada jumlah asset semua syarikat insuran asing yang sebanyak \$594 juta, \$517 juta daripadanya, iaitu 87% adalah dilabur dalam asset-asset Malaysia yang dibenarkan. \$138 juta daripada jumlah asset-asset yang dibenarkan, iaitu 23.3% adalah dalam bentuk cagaran Kerajaan Persekutuan. Kedua-dua angka peratus di atas adalah melebihi had yang diperlukan oleh undang-undang iaitu 75% dan 20% masing-masing. Syarikat-syarikat insuran asing memilih untuk melabur dalam Malaysia adalah disebabkan oleh Kesetabilan dan kejayaan ekonomi Malaysia, dan keteguhan Ringgit Malaysia. Suasana pelaburan yang menggalakan ini tidak terdapat di kebanyakan negara lain.

Kerajaan menghendaki syarikat-syarikat insuran mengemukakan penyata suku-tahunan mengenai pelaburan kumpulan wang mereka. Ini adalah bertujuan menentukan supaya syarikat-syarikat insuran mematuhi kehendak undang-undang mengenai pelaburan dalam asset-asset Malaysia yang dibenarkan dan cagaran-cagaran Kerajaan Persekutuan.

IKAN TELAPIA—KEMATIAN

44. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan mengapa berlakunya kematian berjuta-juta ikan dekat Johor Bahru, dan samada pencemaran air di lautan itu menyebabkan kematiannya, jika ya, apa tindakan Kementerian beliau akan ambil untuk memastikan perkara tersebut tidak berlaku lagi.

Menteri Tugas-tugas Khas (Tuan Michael Chen Wing Sum): Saya ingin menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa saya telah memberi perhatian yang tersendiri ke atas masalah tersebut. Kami telah berpendapat bahawa ikan-ikan yang mati yang dijumpai di Selat Johor baru-baru ini bukanlah disebabkan oleh pencemaran.

Ahli Yang Berhormat akan mengingat kembali bahawa ikan-ikan yang mati itu mulai dijumpa terapung-apung di perairan Selat Johor pada awal bulan Jun. Ramalan yang menyatakan bahawa ianya disebabkan oleh pencemaran telah meluas sekali. Dengan bantuan daripada Jabatan Kimia dan Jabatan Perikanan, perkara tersebut telah dikaji dengan secara menyeluruh. Ikan-ikan yang mati itu ialah ikan-ikan *telapia*, sejenis ikan air tawar. Contoh-contoh air dan tissue-tissue ikan-ikan yang mati telah dianalisa dan didapati ianya tidak mengandungi bahan-bahan "toxic". Oleh itu kematian ikan-ikan tersebut tidak disebabkan oleh sebarang bentuk pencemaran. Dalam hal ini suatu sahaja penjelasan yang logik yang dapat diberi ialah bahawa ikan-ikan tersebut tentu telah terlepas daripada kolam-kolam air tawar yang berdekatan (tetapi tidak daripada Negeri Johor kerana ikan-ikan *telapia* ini tidak dipelihara di sana semenjak lapan tahun yang lalu) dan perubahan alam sekeliling daripada air tawar kepada air masin dengan cara yang tidak semena-mena itu telah menyebabkan kematian ikan-ikan tersebut yang kemudiannya terdampar ke pantai.

MAHASISWA DI INSTITUSI- INSTITUSI PELAJARAN TINGGI

45. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan pengambilan mahasiswa-mahasiswa bagi setiap jenis institusi-institusi pelajaran tinggi yang berikut untuk tahun akademik 1973 dan 1974 mengikut pecahan kaum :

- (i) Universiti Malaya;
- (ii) Universiti Kebangsaan;
- (iii) Universiti Sains;
- (iv) Universiti Pertanian;
- (v) Institut Teknologi MARA;
- (vi) Politeknik Ungku Omar;
- (vii) Institut Teknologi Kebangsaan; dan
- (viii) Kolej Tunku Abdul Rahman.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Jawapannya seperti berikut:

TAHUN AKADEMIK 1973/1974

		Bangsa				
Universiti		Bumiputra	Cina	India	lain-lain	Jumlah
Universiti Malaya		1,226	1,127	163	60	2,576
Universiti Kebangsaan Malaysia		525	21	4	—	550
Universiti Malaysia Sains		263	423	41	6	733
Universiti Pertanian Malaysia (termasuk Kursus Diploma)		370	107	9	2	488
Institut Teknologi Kebangsaan (termasuk Kursus Diploma)		606	76	2	—	684
Institut Teknologi MARA		1,911	—	—	—	1,911
Politeknik Ungku Omar		432	74	17	—	523
Kolej Tunku Abdul Rahman		29	1,317	74	4	1,424

TAHUN AKADEMIK 1974/1975

		Bangsa				
Universiti		Bumiputra	Cina	India	lain-lain	Jumlah
Universiti Malaya		1,260	1,184	175	42	2,661
Universiti Kebangsaan Malaysia		731	46	13	2	792
Universiti Malaysia Sains		412	429	47	23	911
Universiti Pertanian Malaysia (termasuk Kursus Diploma)		609	145	34	1	789
Institut Teknologi Kebangsaan (termasuk Kursus Diploma)		868	65	9	—	942
MAKTAB						
Institut Teknologi MARA		2,908	—	—	—	2,908
Politeknik Ungku Omar		573	171	28	—	772
Kolej Tunku Abdul Rahman		56	2,768	185	19	3,028

KESATUAN PEKERJA-PEKERJA FEDERAL HOTEL

46. Dr A. Soorian minta Peguam Negara menyatakan adakah beliau sedar:

- (i) bahawa pada 20-3-74 dalam satu mesyuarat antara Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dan majikan Federal Hotel, Kuala Lumpur dan Kesatuan Pekerja-pekerja Kebangsaan Hotel, Bar dan Resturan Cawangan Federal Hotel, Menteri itu menggertak ahli persatuan bahawa beliau akan memanggil Yunit Pencegah Rusuhan untuk mengawasi ahli-ahli Kesatuan;
- (ii) jika sedar, nyatakan adakah beliau hendak mengambil jenayah ke atas Menteri berkenaan kerana ini adalah suatu kesalahan mengikut Kanun Jenayah kerana mengugut; dan
- (iii) menyatakan apakah tindakan Kerajaan akan ambil untuk mengelakkan salahguna kuasa seperti itu oleh seorang Menteri Kabinet.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):

- (i) Tuduhan Ahli Yang Berhormat itu tidaklah benar sama sekali.
- (ii) Oleh itu, soalan ini tidaklah berbangkit lagi.
- (iii) Oleh itu, soalan ini tidaklah berbangkit lagi.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEMAJUAN PETROLIAM

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (24hb Julai, 1974).

Perbahasan disambung semula.

3.35 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, semalam sebelum kita menangguhkan persidangan kita saya telah menyebutkan bahawa pada masa kita menimbangkan

akibatnya kenaikan harga crude sehingga sampai 400% daripada 1hb Januari tahun ini, kita telahpun cuba hendak mengemukakan cadangan-cadangan dalam Kerajaan Persekutuan supaya melihat kemungkinan kita memikul bebanan tambahan harga ini supaya harga pasaran semua petroleum product tidak akan naik. Malangnya, jumlah subsidi atau remission of tax yang mungkin akan berbangkit daripada tujuan ini terlalu banyak dan kerajaan kita tidak mampu akan memikul apa-apa remission of tax atau subsidi lebih daripada \$50 atau \$60 juta maka terpaksa kita menahan cadangan itu dan mengemukakan kembali satu cadangan yang boleh mensesderhanakan kenaikan harga petroleum product itu. Dalam kenaikan harga petroleum product yang lalu itu sebenarnya Kerajaan terpaksa membuat remission of tax atau subsidi hampir-hampir \$50 juta.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mesyuarat*)

Kalau Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka dapat faham bahawa tujuan ada, tetapi kemampuan belum sampai, maka beliau dapatlah faham bahawa Kerajaan sendiri terlebih dahulu telah cuba menolong rakyat mengurangkan beban ini, tetapi tidak mampu. Sebenarnya, kalau dilihat daripada segi seluruhnya kalau Kerajaan kita bertemu dengan 2 soalan. Satu soal hendak memberi subsidi terhadap petroleum product dan satu lagi subsidi untuk melepaskan cukai daripada fertiliser dan barang-barang essential seperti gula, tepong gandum dan lain-lain. Maka pilihan bagi Kerajaan tidak begitu sukar. Kerajaan mesti memilih untuk menyokong dengan subsidi atau remission of tax harga barang-barang essential supaya tidak akan menyusahkan lebih besar gulungan rakyat negeri ini.

Tuduhan yang Kerajaan ini timid atau takut dengan multi-national company adalah tidak benar, dan ini kalau saya tidak salah ialah election poking. Kalau kita lihat benar-benar

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Menteri menjelaskan samada benar atau tidak bahawa ada satu tacit understanding antara Kerajaan dan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat Menteri menjawab tidak boleh menyoal.

Tuan Lim Kit Siang: Daripada harga minyak itu

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau hendak membuat soalan baharu, tidak boleh!

Tuan Lim Kit Siang: Bukan soalan baharu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak boleh! Kalau hendak interruption ada dua. Pertama, jika on the point of order dan yang kedua, kalau Menteri salah faham ucapan Yang Berhormat. Itu dua perkara yang boleh interrupt. Sila sambung Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Kalaulah Kerajaan kita timid, konsep production sharing hari ini tidak akan dapat kita bentang di Dewan ini, kerana negotiation begitu sukar, banyak arguments terpaksa kita kemukakan. Pada setakat itu pun banyak syarikat-syarikat multi-national tidak dapat menerima sehingga saya sendiri terpaksa dalam perjalanan saya bercakap terus terang. We may not have enough brains but we have got enough brawns and we have to fight it out with pure guts. Ini telahpun menjadi quotation di New York semasa saya pergi ke sana. Tetapi oleh sebab kita tidak berganjak, maka sistem concession system yang sudah dipunyai oleh komparti-komparti di dalam Malaysia ini terpaksa diserahkan kembali untuk ditukar menjadi sistem production sharing. Ini bukanlah satu peristiwa yang menunjukkan Kerajaan kita timid terhadap multi-national company, ini menunjukkan bahawa bukan sahaja kita berani, tetapi kita mempunyai satu sikap yang cukup enlightened.

Kalau kita insist satu-satu perkara selalunya dapat kita memenangi kes kita dan multi-national company turut kepada maksud kita. Walaupun dalam soal sudah dapat menerima production sharing kita telah cuba hendak merevaiskan (revise) terms dia daripada 35:65% division kepada 85:15% division selepas harga petroleum naik. Setengah-setengah kompeni sudah setuju. Ini bukanlah menunjukkan bahawa Kerajaan kita dapat browbeaten by any oil companies. Sebenarnya, selepas production sharing diterima, kitalah yang menjadi tuan rumah, kita yang menjadi master dalam situation ini. Seperti saya katakan dalam ucapan saya

tadi ini adalah revolutionary concept. To restore the concept of sovereignty, full control over the resources in your territory. Under the concession system, you did not have that right.

Saya tahu Ahli Yang Berhormat lebih suka kalau Kerajaan nationalise semua oil industry dalam negeri ini. Boleh jadi Ahli Yang Berhormat ada mempunyai asas pemikirannya sendiri, tetapi kalau beliau mempunyai satu pengalaman untuk membangunkan negara ini dan sedar betapa sensitivanya investment climate dalam negeri-negeri membangun, betapa luasnya pilihan bagi investors di dunia untuk datang atau tidak ke satu-satu negara, maka beliau barangkali berfikir dua kali mencadangkan soal nationalisation kalau beliau betul-betul hendak memperhebatkan pembangunan industries dalam negeri ini. Banyak negara-negara yang telah mengambil langkah nationalisation, akibat yang mereka terima adalah sangat buruk, tidak payah saya beri nama satu-satu negeri, tetapi kita sudah faham, sudah kita melihat beberapa buah negara yang menasionalais business dan industri dalam negara mereka. Dalam lima tahun menghadapi satu ekonomi yang merosot. Soal nationalisation, saya sekali lagi mengatakan tak baiklah dikemukakan selalu kerana kita telah menjalankan satu promotion, satu pengertian di seluruh dunia menunjukkan betapa polisi dalam negeri kita ini ialah satu polisi yang sederhana, responsible dan yang ingin hendak menggaranti kedudukan orang-orang yang menanam modal dalam negeri ini. Kalau kita berubah dalam sikap kita ini barangkali politik dalam negeri ini akan penuh dengan political slogans sahaja, tetapi tidak banyak dengan substantial economic progress and success. Saya bercakap ini daripada hati saya sendiri. Saya fikir kalau kita **sama-sama sayang dan** ingin hendak melihatkan kemajuan perindustrian dalam negeri ini eloklah kita jangan bercakap lagi atas soal nationalisation.

Soal mendapatkan sebanyak-banyak keuntungan daripada multi-national company ini memanglah kita telah jalankan. Satu daripadanya ialah production sharing seperti yang saya sebutkan dan yang lain-lainnya Kerajaan telah mengambil tindakan seperti guidelines yang boleh menghindar pihak-pihak yang sangat kuat, multi-national company yang terlalu kuat bermahajalela

di dalam negeri kita ini. Kita memang ada strategy dan guidelines yang boleh menghalang supaya jangan multi-national company akan boleh dominate our economic life in this country. Ini telahpun disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan panjang lebar pada masa yang lalu dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat sedar bukan kita menggalakkan pelaburan dalam negeri ini dengan tidak cukup kawalan atas keburukan yang mungkin akan berbangkit.

Soal refinery tidak cukup dalam negeri ini adalah soal yang sangat urgent dan saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mencadangkan supaya Kerajaan memerhati atas soal ini supaya refinery yang baharu dapat dibuat dalam negeri ini. Perkara ini sememangnya dalam pertimbangan Kerajaan dan Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri sendiri adalah sangat active dalam soal mendirikan refinery di Pantai Timur. Sementara itu sebuah syarikat dalam Malaysia ini, di Port Dickson sedang menjalankan plan untuk membesarkan refinernya supaya dapat menambahkan banyak minyak yang akan ditapis dalam negeri ini.

Ada satu cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur yang meminta Kerajaan supaya pergi ke negara-negara Timur Tengah berunding dengan negara-negara Arab untuk mendapatkan minyak dengan harga yang lebih murah. Sebenarnya, perkara ini sudah dicuba oleh Kerajaan. Kita telah menjalankan feelers atas kemungkinannya negara-negara di Asia Barat memberi harga yang istimewa kepada negara-negara yang sedang membangun untuk membeli minyak, tetapi negara-negara yang berkenaan berpendapat bahawa adalah sukar bagi mereka menjalankan satu sekim dengan mana mereka menjual petroleum crude dengan harga yang berlainan untuk negeri yang sedang membangun dengan negeri yang sudah membangun, kerana soal policing of where is the destination of the oil is a very difficult problem which was very clearly illustrated during the oil crisis embargo in the last few months. Lagipun negeri-negeri di Asia Barat ini telah mencadangkan supaya bantuan kepada negara-negara yang sedang membangun ini eloklah merupakan satu aid atau development fund, dan bukan daripada segi special price for oil, dan perkara ini sedang dijalankan oleh

negara-negara ini menerusi banyak channel. Ada channel Afro-Asian, ada channel Islamic countries dan ada channel yang lain. Daripada itu tidaklah ada gunanya bagi Kerajaan Malaysia hendak pergi ke Timur Tengah dan meminta supaya diberikan minyak dengan harga yang lebih murah, kerana ini tidak sejajar dengan dasar Kerajaan-kerajaan di Timur Tengah pada masa sekarang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka telahpun bercakap, "Why is it that the Government did not raid the refineries and oil depots, seize the hoarded diesel and release it to the public?" Kalaupun benar-benar ada satu hoarding, maka perkara ini bolehlah dijalankan. Seperti Ahli Yang Berhormat dari Batu telah menyatakan semalam jumlah minyak yang ditapis dalam negeri kita ini hanyalah 48% dan dalam keadaan ini, maka jelaslah tidak boleh sesuatu syarikat minyak untuk hoarding minyak dalam negeri ini. Untuk menyimpan minyak, hoarding minyak, ini bukan senang, mesti ditaruh di sesuatu tempat yang cukup selamat. Kalau tidak betul terbakar kawasan itu. Saya tidak syak lagi tidak ada hoarding di peringkat oil companies pada masa kekurangan diesel baharu-baharu ini. Yang mungkin hoarding berlaku ialah yang di peringkat rendah lagi, iaitu pihak distributor di mana-mana tempat yang jauh daripada bandar, tetapi soal pokoknya bukanlah soal hoarding. Soal pokoknya ialah minyak diesel tidak cukup diperbuat, direfine di dalam negara kita ini dan kita terpaksa membeli diesel daripada Singapura ataupun daripada Bahrain. Jadi segala keperluan diesel dalam negeri ini mistilah dipandang daripada harga diesel itu dibeli diperingkat impot iaitu di Johor dan di tempat-tempat lain. Di Singapura harga diesel dibeli ialah 69 sen lebih dan dalam Malaysia (Johor) pada masa itu 96 sen.

Disamping itu Kerajaan pula ada memberi satu surtax sebanyak 4 peratus dan ini bererti harga diesel bila sudah masuk ke Malaysia dengan tidak membuat untung apa-apa bagi pihak-pihak oil company ialah \$1. Kalau kita hendak menjamin keadaan bekalan dalam Malaysia dan mengelakkan keadaan artificial price, maka terpaksa selepas kita selidiki perkara ini sedalam-dalamnya, kita ubah sedikit harga diesel supaya mendapat satu keadaan yang benar-benar natural, bukan artificial, kerana Kerajaan kita tidak

dapat melawan the laws of economic kalau keadaan dibiarkan artificial terus lama lagi. Itulah sebabnya Kerajaan kita mengubah sedikit harga diesel, dan sekarang ini kita nampak harga diesel sudah tidak artificial lagi sungguhpun syarikat-syarikat minyak tidak ada mengambil untung di dalam penjualan diesel ini, bekalan diesel adalah cukup di seluruh Malaysia ini. Dan ini juga menunjukkan bahawa walaupun syarikat-syarikat minyak tidak dapat untung satu sen pun daripada penjualan diesel yang diimpot itu, mereka masih menjalankan tanggungjawab mereka ataupun they still carry out their obligations in spite of the fact that they did not earn a cent of profit from the sale of imported diesel. Kita misti sedar bahawa dalam soal kita menimbangkan samada harga patut dinaikkan atau tidak dinaikkan, soal harga yang dikenakan kepada pihak yang menjual barang itu misti ditimbangkan dahulu.

(Dengan izin) It is a simple question that if you want to control a price, the price must not be controlled at the level where it will be lower than the cost price to the seller. The moment you decide on fixing a price lower than the cost price to the seller, you are inviting a black market situation or inviting a situation where there will be an official price but the supply will not be there and the purchasers themselves will be very happy to have a secret deal behind the shop or elsewhere for a higher price. This has happened quite often. In situations of price control just after the War, for example, black market was rampant. On a commodity like petroleum and petroleum products which are used everyday by a very wide cross-section of people, the decision of the Government must take into account the commercial realities and that is why after we had decided that we could not subsidise more than \$50 million towards minimising the hike in the price of petroleum and petroleum products, we ought to see what is the realistic price which the oil companies can bear. I must say quite frankly here that what the oil companies claimed was much higher than what we have approved, and I myself want to see that the claim would not be exaggerated. Nevertheless, when we approved the little increase on diesel, one of the conditions was that if there is a slight indication of the companies making profits at

the next revelation of their balance sheets and their accounts, the Government will impose an excess profit tax on that increase.

Itulah sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan yang perlu saya jawab. Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, termasuk Ahli-ahli daripada pihak Pembangkang, kerana ada daripada cadangan-cadangan mereka yang sangat menasabah.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5—

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Fasal 5 (2) dipinda mengikut Kertas Pindaan yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya seperti berikut:

Gantikan fasal-kecil (2) fasal 5 dengan yang berikut:

“(2) adalah menjadi kewajipan Majlis Penasihat Petroliaam Negara menasihatkan Perdana Menteri mengenai dasar, kepentingan dan perkara-perkara negara berkenaan dengan petroliaam, perusahaan petroliaam, sumber tenaga dan penggunaannya.”—

Substitute for sub-clause (2) of clause 5 the following—

“(2) It shall be the duty of the National Petroleum Advisory Council to advise the Prime Minister on national policy, in.erests and matters pertaining to petroleum, petroleum industries, energy resources and their utilization.”

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1 hingga 5 sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 6 hingga 10 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG KUTU (PENGESEHAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.00 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama "Satu Akta untuk mengesahkan bagi maksud menggulung urusan-urusan kumpulanwang kutu yang tertentu yang dahulu telah dijalankan oleh Syarikat-syarikat" dibaca bagi kali yang kedua.

Kumpulanwang kutu (disebut jua sebagai "chit funds") pada awalnya adalah dilarang oleh Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat No. 84/1971 yang diistiharkan oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 18-2-1971. Undang-undang ini kemudiannya telah dikekalkan oleh Parlimen pada 30-4-1971 menurut Akta (Larangan) Kumpulanwang Kutu 1971. Sungguhpun Rang Undang-undang Kumpulanwang Kutu (Pengesahan) 1971, telah dibaca bagi kali yang pertamanya di Parlimen pada 8hb Ogos, 1972, bagi menimbangkan perjalanan kumpulanwang kutu supaya sah di sisi undang-undang, tetapi Rang Undang-undang itu telah tidak dibawa ke peringkat yang selanjutnya kerana perlindungan-perindungan yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang itu difikirkan tiada mencukupi. Di segi kedudukan undang-undang sekarang kumpulanwang kutu yang berjalan selepas 18hb Februari, 1971 adalah masih dalam larangan.

Kumpulanwang kutu yang telah berjalan pada atau sebelum 18hb Februari, 1971 adalah dikehendaki digulungkan. Semasa tindakan penggulangan sedang diambil, satu kes percubaan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah memberi keputusan bahawa perjalanan kumpulanwang kutu ini adalah urusan pinjaman wang; disebabkan ianya tiada mempunyai lesen di bawah Ordinan Pinjaman Wang maka perjalanannya adalah

salah dari segi undang-undang dan tidak boleh dijalankan. Penyelesai-penyelesai yang dilantik untuk menggulung perjalanan syarikat-syarikat kumpulanwang kutu mendapati mereka tiada boleh mendapat kembali wang yang patut dibayar oleh mereka yang berhutang (kepada syarikat kumpulanwang kutu), dan begitu juga tiada boleh membayar kepada si-piutang. Mengikut angka-angka yang diperolehi di dalam 4 daripada 5 buah Syarikat Chit Fund yang sedang di dalam penggulangan ada didapati angka wang sejumlah \$3,170,825.06 dari 4,893 orang yang berhutang (kepada syarikat kumpulanwang kutu) dan sejumlah \$1,555,785.12 untuk 1,459 orang si-piutang.

Bilangan yang besar dari si-piutang-si-piutang itu adalah terdiri dari golongan orang yang berpendapatan pertengahan dan yang rendah. Kerajaan akan gagal dalam kewajibannya jika kepentingan si-piutang-si-piutang ini tidak dapat dijaga. Begitu juga mereka yang berhutang yang telah berjaya dalam tawarannya bagi mendapatkan wang hadiah dari "chit fund" masing-masing tidak sepatutnya diberi menikmati seterusnya wang hadiah yang telah mereka gunakan itu. Bagi tujuan itulah, maka Rang Undang-undang di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang dikemukakan untuk mengesahkan kumpulanwang kutu yang dijalankan oleh Syarikat-syarikat yang sekarang sedang dalam penggulangan supaya membolehkan penyelesaian-penyelesai mendapat kembali dari mereka yang berhutang dan membayar kepada si-piutang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali Yang Ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG GALAKAN PELABURAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.06 ptg.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu Undang-undang bagi meminda "Akta Galakan Pelaburan 1968 untuk mengadakan peruntukan bagi kelepasan cukai yang diperbaharui untuk syarikat-syarikat yang diluluskan di bawah Seksyen 12 (A) dan (B) Akta Galakan Pelaburan dan Sekim Elaun Eksepot yang baru dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya" iaitu secara ringkasnya dikenali sebagai "Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan), 1974" dibaca bagi kali yang kedua.

Dewan pasti masih ingat bahawa Kerajaan telah meluluskan Sekim Galakan Penempatan pada bulan Disember, 1972 sebagai salah satu langkah untuk menyebarkan industri ke kawasan-kawasan yang kurang maju di negara ini. Di bawah Sekim ini sesebuah syarikat yang ditempatkan di kawasan yang telah digezetkan sebagai kawasan Galakan Penempatan akan menikmati tempoh pengecualian cukai maksima selama 10 tahun.

Di dalam melaksanakan Sekim Galakan Penempatan ini adalah didapati bahawa terdapat kelemahan-kelemahan dan kelemahan-kelemahan ini boleh pula diperbaiki untuk menjadikan Sekim ini lebih menarik dan berkesan menyebarkan industri-industri ke kawasan-kawasan yang kurang maju di negara ini. Di dalam mengemukakan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini konsep dan bidang asal Sekim ini tidaklah diubah tetapi yang dipinda hanyalah asas-asas untuk menentukan tempoh pengecualian cukai agar ianya dihubungkan dengan asas-asas yang telah digunakan di dalam Akta ini iaitu dengan menggunakan asas pelaburan, gajit tenaga, pengeluaran barang-barang yang diutamakan dan penggunaan bahan-bahan mentah seperti yang lazim digunakan di dalam mengurniakan Galakan Taraf Perintis dan Galakan Menggunakan Buruh kepada

syarikat-syarikat. Berdasarkan kepada asas-asas ini sesebuah kilang yang diberikan Galakan Penempatan akan dikecualikan dari membayar cukai untuk tempoh minima selama 5 tahun dan selanjutnya ia berhak untuk mendapatkan lanjutan-lanjutan jika ada, berdasarkan asas-asas yang disebutkan di atas. Tempoh maksima pengecualian cukai ini ialah 10 tahun. Perkara-perkara detail mengenai Sekim ini adalah dijelaskan di dalam Seksyen 6 Rang Undang-undang ini. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini akan membawa faedah-faedah baru dalam mana ianya akan menentukan agar projek-projek yang pada lazimnya tidak layak menerima apa-apa galakan akan diberikan galakan ini sekiranya mereka ditempatkan di kawasan-kawasan yang telah digezetkan sebagai Kawasan Galakan Penempatan. Selanjutnya pindaan-pindaan ini akan menghapuskan segala keraguan dan kemuskilan yang akan dihadapi di dalam melaksanakan Sekim Galakan Penempatan ini.

Adalah juga dicadangkan di dalam Seksyen 7 Rang Undang-undang ini untuk meluaskan perbekalan Seksyen 14 (2) di dalam Akta Galakan Pelaburan untuk meliputi syarikat-syarikat yang telah diberikan Galakan Penggunaan Buruh. Pada masa ini syarikat-syarikat yang diberikan Galakan Penggunaan Buruh adalah tidak layak untuk mendapatkan lanjutan 3 tahun tempoh pengecualian cukai seperti yang telah diberikan kepada syarikat-syarikat taraf perintis sekiranya syarikat-syarikat tersebut telah memenuhi syarat-syarat penempatan di kawasan-kawasan yang kurang maju, pengeluaran barang-barang yang diutamakan dan penggunaan bahan-bahan mentah tempatan seperti yang telah ditetapkan, walaupun Galakan Penggunaan Buruh itu adalah semata-mata gantian kepada taraf perintis. Oleh hal yang demikian adalah adil jika ketidak-seimbangan ini diperbetulkan agar syarikat-syarikat yang mendapat Galakan Penggunaan Buruh diberikan hak melanjutkan tempoh pengecualian cukai mereka seperti syarikat-syarikat taraf perintis. Ini adalah disebabkan kerana Galakan Penggunaan Buruh ini adalah merupakan ciri yang penting dalam Polisi Perindustrian yang dijalankan oleh Kerajaan.

Seksyen II Rang Undang-undang ini adalah mengandungi Sekim Galakan Eksepot yang telah dibentuk selepas mengadakan perbincangan dengan sektor swasta. Sekim

Galakan Eksepot ini telah diistiharkan buat pertama kalinya di dalam Ucapan Anggaran Belanjawan 1973 dan cara-cara bagaimana Sekim ini dijalankan adalah dijelaskan di dalam Seksyen II ini.

Secara ringkasnya Sekim Galakan Eksepot ini adalah bertujuan untuk memberikan Elaun Eksepot kepada pengekspepot-pengekspepot berdasarkan kepada jumlah eksepot pada tahun-tahun yang lalu. Elaun Eksepot sebanyak 5 sen adalah diberikan kepada tiap-tiap tambahan \$1 di dalam jualan eksepot (di luar kilang) dan tambahan tersebut adalah merupakan lebih daripada jumlah jualan eksepot (di luar kilang) pada tahun asas jika dibandingkan dengan jualan eksepot purata (di luar kilang) sejak 5 tahun yang terdahulu. Sekiranya terdapat pengeluaran-pengeluaran yang menggunakan tidak kurang daripada 50% (dari nilai) bahan-bahan dan komponen-komponen tempatan maka Elaun Eksepot yang diberikan ialah sebanyak 8 sen untuk tiap-tiap tambahan \$1. Ini adalah bertujuan untuk menggalakkan lagi pengeluaran-pengeluaran untuk menggunakan bahan-bahan tempatan. Disamping pindaan-pindaan yang di atas adalah juga dicadangkan agar defenasi syarikat taraf perintis itu dipinda. Pada masa ini taraf perintis sesubuh syarikat itu tidak ada akhirnya, walaupun tempoh pengecualian cukai untuk syarikat tersebut sudah habis. Kelemahan ini telah menyebabkan syarikat-syarikat bekas taraf perintis itu tidak dapat menikmati Sekim Elaun Eksepot dan oleh hal yang demikian adalah perlu agar kelemahan ini diperbaiki.

Lain-lain pindaan di dalam Rang Undang-undang ini adalah ekoran daripada pindaan-pindaan yang disebutkan terlebih dahulu.

Sukacitalah saya mengambil peluang di sini untuk menekankan bahawa Rang Undang-undang yang dicadangkan ini adalah menunjukkan keazaman Kerajaan untuk membantu sektor swasta di dalam proses perindustrian di negara ini iaitu suatu daripada proses yang penting yang Kerajaan berazam hendak menjayakannya untuk kepentingan rakyat jelata keseluruhannya. Dalam pada itu Rang Undang-undang ini adalah juga bertujuan untuk membolehkan Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dengan lebih berkesan lagi di dalam sektor perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini akan memberikan sokongan terhadap Rang Undang-undang ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.15 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong Rang Undang-undang Galakan Pelaburan. Saya menyokong oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri kita yang budiman telah melawat bukan sahaja ke negeri barat, tetapi ke Amerika dan Jepun bagi menggalakkan pemodal-pemodal bangsa asing datang ke negeri kita. Oleh kerana galakkan ini, maka orang-orang asing, pelabur-pelabur bangsa asing telah datang ke negeri kita ini untuk menanam modal. Apabila mereka menanam modal, maka dapatlah orang-orang kita bekerja di dalam syarikat-syarikat ataupun kilang-kilang.

Tuan Yang di-Pertua, menteri yang bertanggungjawab pada masa-masa yang lampau, pergi keluar negeri menggalakkan pemodal-pemodal asing datang ke dalam negeri, tetapi sayang sedikit di dalam galakkan-galakkan pioneer status yang diberi kepada bangsa-bangsa asing ini ataupun joint-venture tidak ada syarat mengatakan bumiputra mesti mengambil bahagian di dalam pelaburan ini. Akan tetapi, pada masa yang akhir-akhir ini oleh kerana desakan-desakan mengatakan bumiputra ketinggalan dalam bidang ini, mereka cuma menengok sahaja orang bergerak, maka diadakan syarat mengambil bumiputra di antara 10% atau 15% sahaja. Ini bukanlah dibuat-buat, tetapi ini adalah benar. Apabila bumiputra sedar atas perkara ini, maka dalam dua tiga tahun yang lalu diminta 30% peluang pekerjaan diberi kepada bumiputra, dan hendaklah menengok tiap-tiap kilang-kilang yang ditubuhkan dalam negeri ini hendaklah 30% pekerja-pekerjanya hendaklah diisi oleh bumiputra.

Kita tidak hendak menengok bumiputra bekerja, sebagaimana saya selalu mengatakan bumiputra bekerja seperti buruh kasar sahaja, kerana tiap-tiap kilang yang saya tahu, baik di Petaling Jaya, Batu 3 di Shah Alam dan lain-lain memang ada 40% bumiputra

bekerja di situ, tetapi bumiputra bekerja mencuci longkang, mencuci lantai, buruh kasar dan sebagainya. Saya tahu bumiputra tidak boleh menjadi engineer kerana tidak ada mempunyai pelajaran, tetapi bumiputra boleh bekerja sebagai kerani di dalam kilang itu. Daripada 100 orang kakitangan dalam kilang itu tidak sampai 5% bumiputra. Kilang-kilang itu bukannya berkehendakkan tulis China, tulis Jepun, tulis Jerman ataupun bercakap Jerman atau Russian, tetapi apakah sebabnya bumiputra tidak boleh masuk bekerja sebagai kerani-kerani di dalam kilang-kilang itu? Saya dapat tahu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian meletakkan syarat sekurang-kurangnya 30% ke atas hendaklah mengambil bumiputra bekerja di dalam kilang tanpa memerhatikan kerja-kerja yang lain, cuma kerja-kerja buruh sahaja. Saya harap pihak bertanggungjawab mengambil berat akan hal ini.

Berkenaan dengan galakan-galakan ini, sepatutnya Kementerian telah sedar, kerana selepas kita mencapai kemerdekaan, selama 17 tahun bumiputra digalakkan di dalam dunia perdagangan dan perindustrian. Kita galakan orang-orang asing menanam modal dalam negeri kita. Kita beri mereka pioneer status iaitu tidak payah bayar cukai dalam tempoh 5 tahun, dan sekarang kalau siapa hendak pergi ke pendalaman diberi pula sampai 10 tahun. Tetapi sayang sekali adakah galakan diberi kepada bumiputra yang hendak masuk dunia perdagangan dan perindustrian seperti membuat kilang belacan. Sungguhpun kilang belacan telah ada, tetapi diberi galakan tanpa membayar cukai dalam masa 5 tahun. Dan lagi bumiputra buat songkok, banyak kedai songkok di negeri ini. Kalau ada orang Melayu hendak buat kilang songkok beri dia galakan 5 tahun pula lamanya atau 3 tahun sekurang-kurangnya tanpa bayar cukai supaya mereka ini dapat menikmati apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menggalakkan pemodal-pemodal ke tempat-tempat yang kurang maju. Dalam negeri ini ada bangsa yang tidak maju iaitu kaum Melayu ataupun bumiputra mestilah diberi galakan kepada mereka itu supaya cenderung dalam perdagangan dan perusahaan. Saya fikir orang-orang lain tidak boleh soal apa sebabnya orang Melayu diberi galakan begini, kerana mereka inilah yang terlampau jauh tertinggal di belakang daripada orang lain. Apa sebab orang Jepun diberi galakan 10 tahun tanpa

bayar cukai, orang Inggeris tidak bayar cukai selama 10 tahun, orang Jerman tidak bayar cukai sampai 10 tahun lamanya kalau mereka itu menubuhkan factory. Dengan sebab itu, jika orang Melayu hendak membuat perindustrian baik pun kilang batu dan sebagainya, maka hendaklah diberi galakan yang sepenuh-penuhnya: kata itu dikotakan betul-betul, iaitu hendak menolong bumiputra di dalam dunia perdagangan dan perindustrian. Saya percaya kalau ada betul-betul dasar begini, insya Allah dalam tempoh tidak berapa lama lagi bumiputra boleh maju jaya dalam negeri ini.

Saya juga hendak bercakap sedikit lagi iaitu berkenaan dengan syarikat-syarikat di dalam negeri ini berkenaan dengan pioneer status. Kita galakan orang-orang asing datang ke negeri kita ini, dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian baharu-baharu ini selalu juga pergi keluar negeri dan menggunakan banyak wang, tetapi berjalan itu berjalan yang berhasil. Itu memang bagus ramai orang asing datang ke mari dan pergi ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Saya minta kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab, apabila mereka ini datang hendaklah dilayan dengan baik, kerana kita telah pergi begitu jauh untuk menarik mereka datang ke mari. Apabila mereka datang ke mari kita pelawa mereka menanam modal, kita layan dengan baik. Saya rasa kita minta mereka menanam modal tujuan kita supaya orang kita dapat bekerja dalam negeri kita ini. Tetapi, saya dapati ada di antara pegawai-pegawai kita bersifat sombong orang ini berasa sombong sebagai Pegawai Division I atau Pegawai Superscale. Perasaan ini mestilah kita kikis, kerana kita mengharap mereka itu menanam modal di negeri ini. Saya harap pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri menengokkan di atas perkara ini supaya ramai lagi orang luar negeri datang ke sini menanam modal. Saya tidak hendak bercakap terlampau panjang di atas perkara ini, kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih maklum dan kalau hendak panggil saya bila-bila masa sahaja untuk cerita lebih panjang di atas perkara ini.

4.36 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timur):
(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, industries, including pioneer industries, are now being

offered more incentives should they increase their capital, should they employ more workers, should they site their industries in low-growth or slow-growth areas or should they have more local contents in their products or more importantly, should they be more export-orientated.

I would like to deal first with the policy of decentralisation of industries which has now been adopted by the Government. I remember quite clearly that some time ago when I asked a question in this House whether the implementation of this scheme was successful, the Government Bench replied saying that it was quite successful. Obviously, from this Bill we now know that things are not going as smoothly as they were expected to be and more incentives are now being offered to prospective investors to locate their industries in the rural areas. While I agree more incentives should be given in the way of tax holidays, in the way of other attractions, I would also like to stress the point that investors who are asked to go to rural areas also look for other amenities, such as easy communications and basic infrastructures like cheap transport. These are the things that matter. For example, at one time there was a keen competition between the various States for the Goodyear Tyre Factory to be set up in their particular State. Negri Sembilan was one of the States which competed quite energetically for the Goodyear Tyre Factory to be set up at Senawang and in fact rolled out the red carpet for the Goodyear investors. But, unfortunately, I was told that because Seremban lacked certain facilities Negri Sembilan was not successful. First it does not have a port as convenient as Klang; secondly, it does not have sufficient infrastructure facilities like adequate water or social amenities even for the staff that is going to be sited in Seremban. I was told that foreigners prefer to live in areas where they can be assured that their children can be placed in good schools and things like that. So while this Bill offers incentives in the form of tax holidays and other things I would also like to urge the Minister concerned to look into the question of ensuring also that social amenities and other forms of infrastructure are also given to the prospective investors.

While making a plea for the slow growing States, I would also like to ask the Minister to pay more attention to States such as

Negri Sembilan which can certainly do more with more industries. In spite of the fact that the incumbent Datuk Menteri Besar has been very energetic and has done his best to attract more industries, unfortunately, in certain areas industries are hard to come by. For example, in Kampung Nyor, only three or four are set up after several years. This is no reflection on the Menteri Besar, but it is due to the fact that Kuala Pilah is quite far away from ports like Kelang and Penang. Therefore, I would urge the Minister of Trade and Industry to look into the matter and help to divert the industries to the Negri Sembilan zone.

On the question of export-orientated industries, Mr Speaker, Sir, I have always in this House urged encouragement in this direction. We have a small population of only about 10 million or so and this is a very small market compared with millions of people in other countries; and factories which produce goods for the world market can be expected to produce these goods cheaper if they are mass-produced. Moreover to be able to market the goods in other countries, the quality will have to be improved. This cannot be improved if they are not mass-produced and if the industries concerned do not have better machines. This means that local factories from now on with these incentives will have to function more efficiently and the people in the country instead of being foisted with or given inferior goods probably will get higher quality goods at more competitive prices. I would certainly endorse the amendments to prod local factories to be more export-orientated and compete in the international market.

Mr Speaker, Sir, to be more export-orientated, to encourage more investors to come into this country, the basic requirement is that the Government must follow a policy of non-alignment and friendliness to all nations. This is the basic requirement. I view with a bit of concern the problems arising at certain borders for example, the border between Malaysia and the Philippines and the border between Malaysia and Thailand.

Again, Mr Speaker, Sir, there should be more trade representatives in countries throughout the world, because with more such representatives, our goods will have a wider market. At the same time, it is

important to equip our trade representatives and even our traders and businessmen with proper knowledge of the countries that they intend to trade with, such as good knowledge of customs, tastes and even the languages. The Ministry of Trade and Industry should set up a special department on cosmopolitan commerce, international commerce, to guide local people on the art and technique of international trade.

The Deputy Minister of Trade and Industry has been to a number of industrialised countries to woo investment to come to Malaysia. Perhaps, he will be leading a delegation to China in the future, as he has done to other countries, because China has been helping a number of developing countries in trade and technology as well. She has helped Tanzania to build a railway line in a record time and at low cost. Our railway system is in a mess, and it could be worthwhile getting China's engineers to help with the expansion and improvement of the railway system to cope with the increasing passenger and cargo traffic. Perhaps China could also help us build an additional railway line at moderate costs.

Mr Speaker, Sir, the encouragement of foreign investment should be as diversified as possible. By this, I mean that we should ask as many countries to come here to invest, not just concentrated our attention on one or two countries, in order to prevent any one country from dominating our economy. Besides Britain, United States, Japan or any other European countries, investors should also be attracted from other countries. With the present shift of the economic balance of power to the oil rich Middle East countries, steps should be taken to interest them—for example, Saudi Arabia, Iran, Kuwait—in setting up ventures here such as petro-chemical plants or even invest in the tourist trade.

But, Mr Speaker, Sir, while having all these incentives to woo investors, both local and foreign investors, attention must be paid to the fact that conditions should be set. Of course, we want them to come and to invest here, but, at the same time, not at the expense of local people, not at the expense of the country being exploited or being "raped". Mr Speaker, Sir, while making a bid for foreign investment, it is essential that the country benefit from this type of invest-

ment. Up to now, the impression has been that foreign investors tend to maximise profits at the expense of Malaysian workers by paying them cheap wages. In fact, as my colleague from Bandar Melaka has said, the Ministry of Trade and Industry has blatantly advertised in certain papers that Malaysia has cheap labour. I think it is a very poor reflection on the labour situation here. All you can say is that the labour here is stable or attractive.

Datuk Musa Hitam: Bolehkah Ahli Yang Berhormat beritahu saya dalam akhbar mana, bila dan di negeri mana yang kita mengatakan bahawa buruh di negeri kita ini ialah murah atau cheap? Saya ingat Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka yang mengatakan bahawa saya telah mengatakan buruh dalam negeri ini cheap and docile. Kalau dapat beritahu bila masa saya bercakap, saya suka akan memberi penjelasan.

Dr Chen Man Hin: Tuan Speaker, Sir, may I refer the Honourable Deputy Minister of Trade and Industry to look into the "Fortune" magazine of June issue. There is an advertisement authorised by his Ministry. I have not got a copy here and probably, if he likes I can show it to him—it is probably in the Library here.

To continue, Mr Speaker, as I said, the wording should not be "cheap" but "reasonable" or "the labour can be trained easily" or "productive labour". Reasonable wages or fair living wages should be paid together with other benefits like meals to help keep them fit, and accommodation, if possible, and other social amenities as well. The large multi-national companies are well heeled (they are rich) and can well afford to provide these essentials to the workers. They come here with their eyes open. They want to make money—good. But at the same time, they should provide our workers with the basic social amenities.

Foreign companies also should be encouraged to bring in large capital, not just bring in a little or small capital. Those companies which bring in very little or small capital should be discouraged, as these tend to use local funds which by right should be reserved for local investors. We should be on guard against factories which are started here with a few thousand dollars and make their money by exploiting our labour and

then after a short while, when they find that labour is cheaper in other markets, they run off. We do not benefit at all from this type of investments.

Another condition which foreign investors should also accept is that they should bring in technology and management expertise, and that this knowledge should be imparted to Malaysians as soon as possible, so that within a reasonable time as many of the staff or personnel from the top to the lowest should be comprised of Malaysians. In other words, the factories would in the course of time be managed and operated by local managers, local engineers, technicians and skilled artisans.

These are all reasonable conditions, Mr Speaker, and with the attraction of investment incentives or tax holidays, the foreign investors will be quite willing to invest here. There are vast untapped resources in the country with great potential and they know it quite well.

4.37 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bercakap sedikit tentang Rang Undang-undang yang dikesulkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan, dan di samping ini saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, in this country and in this House we have seen a plethora of Bills brought in by the Government to add more and more incentives, particularly to foreign investors. I do not say that this is not what it should be, but the Government should know, and indeed does know, that calling in foreign investors is a double-edged weapon, as I shall presently show.

For one thing, if we get more and more foreign participation in the capital formation in this country, it means that their share of the capital formation will increase. For example, in 1969, their share was of the order of 66%; in 1970, I think it has gone down a little to about 62%. If this is the rate at which foreign capital diminishes vis-a-vis local capital, how then—I wish to ask the Honourable Deputy Minister—can we have a situation whereby twenty years hence we can have 30% of the capital formation belonging

to the Bumiputras? Obviously, we will get more and more foreign capital coming in and, as the Member for Kuala Selangor pointed out, if there is not much effort to get more and more Bumiputra participation in the capital formation or in industries that are being set up, then this is a double-edged weapon and it is self-defeating. In other words, you get the foreign ownership of the corporate sector increasing and you can never achieve the aim of 30% of the corporate sector being owned by the bumiputras.

Mr Speaker, Sir, I say this is a double-edged weapon because from time to time one hears of Ministers going abroad and, to reiterate what the Member for Seremban Timur has stated, they have boasted, in fact, that this country has cheap labour and, therefore, foreign investors can come here and can exploit the cheap labour in this country. I do not say that the Deputy Minister himself has said that. But over the years, his senior colleagues have said that. I am glad that, because of protests from the Opposition benchers, this has been toned down a great deal. Nevertheless, it is insulting to the workers of this country that they should be labelled as cheap and that the foreign investors should be told that they can exploit the workers of this country. I would say that our Ministers or those who are sent abroad to invite foreign capital to come to this country should say that the conditions are ripe, there is a vast pool of labour that can be easily trained, that they are intelligent enough to be trained, that the infra-structure is there and that if they come, they could expect reasonable profits, particularly in view of the fact that there are so much incentives. Pioneer status means that you have a tax holiday for five or six years, up to ten years, depending on whether you go to a slow-growth area in the rural areas or you use more and more local content or you use more and more labour instead of machines, i.e. you are labour-intensive rather than capital-intensive. Now, Mr Speaker, Sir, I have pointed out that all these are very well. You can get foreign capital coming in, but what I wish to point out to the Deputy Minister and what we have stated over and over again, and I think it will bear reiterating, is that the Government should see that foreign capital, while coming in, should not remit their profits without restrictions.

In other countries, they welcome foreign capital but they say that foreign capital should have a social conscience and that they should plough back some of the profits that they have made into further redevelopment or into improving the machinery that they have imported or into providing further amenities to the workers. After all, the workers of this country are human beings and they should be treated as human beings. One sees in the Press of multi-national companies making millions of dollars; practically every day if you open the newspapers of this country, you can see reports of multi-national companies making millions of dollars. This has been brought about by the sweat and the tears and the toil of the workers of this country. Why should not the workers of this country enjoy some of the millions of dollars that are being earned by the multi-national companies, that are being remitted abroad? Why should not the multi-national companies, for example, provide better subsidised meals to the workers? Why should not the multi-national companies provide sporting facilities for their workers? Why should not the multi-national companies provide sea-side resorts or hill-side resorts for their workers? After all, the workers in this country as elsewhere know how to spend their time in Port Dickson or in Genting Highlands or in Cameron Highlands. And instead of remitting all their millions of dollars abroad, they should spend some of it in this country for the benefit of the workers of this country.

Mr Speaker, it is well-known—perhaps the Deputy Minister himself may not know, but it is well-known—that sometimes there is a tag to the obtaining of pioneer status. I do know of one company which, as soon as it received pioneer status, wrote out a cheque to a political party. This brings me to some of the things which in America would evoke a scandal perhaps of greater proportions than that of Watergate, or what Nixon has done to the milk industry and to other industries. Mr Speaker, Sir, General Elections are around the corner. I do not know whether the people who are in line for pioneer industries have been approached or not, but I do know for a fact that many foreigners doing business in this country have been asked to contribute to the coffers of the UMNO. I am reliably informed that these donations should be in the form of cash and

not in cheques, for obvious reasons. Now, Mr Speaker, Sir, if a foreign company wants to make donations to UMNO or to any party, I have no objections, but if they are being asked with a veiled threat, “If you do not do so, it will not be conducive to your business”, then I say that a situation will arise whereby the Government itself may be under obligation to these multi-national companies. I do know, for example, that the foreign businessmen are worried, because they say, “What are we to do, we have been approached”. They have been told to go and consult the various Chambers of Commerce. They have been told to consult their Ambassadors or their High Commissioners. Mr Speaker, Sir, I wish to make a clarion call to the Government that they should not ask for donations from foreign businessmen even though they are voluntarily made. Supposing if the Goodyear Company were to give \$100,000, it would place the Government in the invidious position of being obligated to the foreign companies and in a small way the foreign companies would want to influence the workings of the Government of this country. Mr Speaker, Sir, I do know that this may be new to the Minister and he may not be well qualified to give us a categorical assurance. I do hope that the Prime Minister himself, for example, will see it fit to make an announcement that no multi-national company need make any contribution to the UMNO, because I am told specifically that these contributions are asked to be made not to the Front Nasional, but to the UMNO. Mr Speaker, Sir, I reiterate again that it is a very dangerous thing for the ruling party, at this juncture of our history with the elections coming, to ask for donations from foreign capitalists. If they ask from the local capitalists, it will not be so bad, but to ask for contributions from the foreign capitalists is a double-edged weapon that will make this Government as we have stated before, a Government of the capitalists, by the capitalists and by the foreign capitalists as well and not for the people of this country.

Mr Speaker, Sir, having said that, I wish merely to add a little further in that the Government should be very careful in granting pioneer status to whatever company. It is well-known that many companies have recovered their capital in as little as two or three years—all the capital that they have

ploughed in, they have recovered under the pioneer status in as little as two or three years—and for the remaining years of their operations under the pioneer status certificate, all that they make is sure profit. Surely, this is not intention of this amendment or of the incentives given to multi-national companies, and I hope the Deputy Minister and his ministry will look into this aspect of it.

4.50 *ptg.*

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian sedikit di dalam menyokong Rang Undang-undang meminda Akta Galakan Pelaburan, 1968 ini.

Kalau tidak salah dalam ingatan saya, ini adalah pindaan kali yang kedua daripada Galakan Pelaburan, 1968 ini dan ini menunjukkan betapa tingginya hasrat Kerajaan untuk meninggikan lagi dan memesatkan lagi usaha-usaha di dalam bidang dan perkembangan di dalam sektor perindustrian di negara kita ini. Walaupun demikian, saya hanya ada sedikit kemusykilan iaitu pindaan kali yang kedua ini pun, pada saya, nampaknya kurang memberikan pertolongan atau bantuan secara langsung (*directly*), mungkin dengan tidak secara langsung ada bantuan dan pertolongan itu kepada bumiputra di dalam usaha bumiputra mengkecimpungkan diri dan mengambil penyertaan di dalam bidang atau sektor perindustrian ini.

Saya masih ingat di dalam pindaan yang pertama dahulu, saya ada minta beberapa perkara bagi perhatian Kerajaan untuk memberikan galakan yang lebih berkesan kepada pengusaha-pengusaha bumiputra yang hendak menceburkan dirinya di lapangan perindustrian. Kalau kita tinjau kembali Dasar Ekonomi Baru Kerajaan iaitu yang mempunyai matlamat 30 peratus penyertaan bumiputra di dalam kegiatannya di bidang perdagangan dan perindustrian dan juga di dalam Mid-Term Review yang kita kaji dalam Dewan yang mulia ini, bumiputra pada masa ini cuma memiliki 2 peratus sahaja dari modal di dalam sektor perindustrian dan laporan ini juga menyatakan bahawa modal kaum bumiputra hendaklah berkembang sampai \$14 ribu juta menjelang tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat iaitu sangatlah sukar bagi bumiputra hendak

mencapai matlamat ini dalam tempoh ini, kerana di dalam masa yang sama pihak bukan bumiputra juga menjalankan kegiatannya lebih pesat lagi, dan dengan pindaan Akta ini bertambah lagi memberikan kesempatan untuk pengusaha-pengusaha ini menjalankan perusahaannya di bidang sektor perindustrian. Dengan adanya ini dan dengan kurang memberikan galakan yang memberikan pertolongan dan bantuan secara langsung kepada bumiputra ini akan kelak melambatkan lagi tercapainya matlamat ini.

Kita semua sedar dan menyanjung tinggi sikap Kerajaan dalam usaha Kerajaan hendak mempercepatkan bumiputra mengambil bahagian yang cergas di sektor perindustrian ini, dengan mengadakan berbagai-bagai kemudahan dan berbagai-bagai badan-badan dan agensi-agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan bagi membantu bumiputra mengambil bahagian di dalam perindustrian ini, khususnya yang sangat kekurangan penyertaan bumiputra ini. Dan yang akhir sekali agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan ialah dengan menubuhkan Bank Pembangunan Malaysia dan Bank Pembangunan ini juga ialah khusus diwujudkan oleh Kerajaan untuk membantu dan memberi bantuan kewangan serta nasihat atau kepakaran kepada pengusaha-usaha bumiputra yang hendak mencampurkan dirinya di dalam bidang perindustrian.

Walaupun demikian saya berpendapat masih ada lagi tempat-tempatnya yang Kerajaan boleh memberikan galakan yang lebih berkesan kepada bumiputra. Umpamanya, diadakan satu Galakan Pengecualian Cukai Taraf Perintis kepada projek-projek bumiputra yang mengandungi syarat-syarat yang tertentu, kerana kebanyakan daripada perindustrian yang dijalankan oleh bumiputra pada masa ini sudah dijalankan pula oleh pihak bukan bumiputra, maka ini sudah menjadikan alasan dan sebab bahawa bumiputra itu tidak akan mendapat taraf perintis ini, kerana bumiputra ini terkemudian, bukan bumiputra telah terdahulu, yang kemudiannya kerana dahulunya kurang kemudahan-kemudahan yang boleh didapati oleh bumiputra, tetapi sekarang sudah banyak sebagaimana saya kata yang akhir sekali sehinggakan Bank Pembangunan ditubuhkan oleh Kerajaan untuk membantu bumiputra ini. Dengan sebab terlambat dan terkemudian menyertai sektor perindustrian ini, maka banyak daripada jenis-jenis

perindustrian yang telah dapat pengecualian cukai dan mendapat taraf perintis daripada Kerajaan ini sudah dijalankan dan diusahakan oleh pihak bukan bumiputra.

Saya berpendapat tidak salah kiranya ada lagi pindaan untuk memberi dan membolehkan perusahaan-perusahaan dan projek-projek yang mempunyai syarat-syarat yang tertentu yang diusahakan oleh bumiputra diberikan juga taraf perintis supaya membolehkan dan mempercepatkan lagi kegiatan bumiputra di sektor perindustrian ini. Saya cadangkan Kerajaan juga memberikan galakan-galakan yang lain yang terkandung di dalam Akta Galakan Pelaburan ini kepada bumiputra atau kadar-kadar yang ditentukan itu hendaklah ditinggikan bagi bumiputra. Umpamanya, ditinggikan kredit cukai pelaburan (investment tax credit) dan juga elaun susutan cepat atau (accelerated depreciation allowance), ini dipertingkatkan kepada pengusaha-pengusaha bumiputra. Ini juga menjadi satu jalan dan galakan kepada bumiputra dalam penyertaannya di bidang ini. Dan juga Kerajaan patut membuat kajian untuk membuka pintu kepada pengusaha-pengusaha bumiputra memasuki bidang-bidang perindustrian yang telah ditutup. Mana-mana yang kita mengetahui ada juga perindustrian yang telah ditutup samada telah diberi kepada bumiputra atau bukan bumiputra dibuka semula peluang ini kepada bumiputra atau bidang-bidang yang sudah tidak dibenarkan lagi, kerana sudah ada banyak kilang-kilang atau projek-projek di dalam negeri ini. Dengan sebab sudah banyak tidak diberi peluang lagi—sudah ditutup, contohnya, seperti Kilang Membuat Paku, Kilang Mancis Api, Bateri dan lain-lain. Ini saya mengetahui projek-projek ini sudah ditutup tidak diberi lagi lesen atau kebenaran untuk yang baru. Pada hemat saya kalau ini juga dibuka semula peluang ini akan dapat pihak bumiputra mengambil bahagian yang cergas di dalam sektor ini, kerana dengan adanya kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan dengan agensi-agensi yang bertambah dari satu masa ke satu masa diwujudkan oleh Kerajaan dengan tujuan semata-mata untuk mempercepatkan penyertaan bumiputra di sektor ini. Kalau yang lain pula ditutup maka kurang mendapat faedah daripada agensi-agensi yang telah diwujudkan oleh Kerajaan.

Saya harap dalam masa mengkaji semula Akta Galakan Pelaburan ini atau di mana-mana di dalam Akta ini dapat dimasukkan perkara-perkara yang saya sebutkan ini sangatlah memberikan pertolongan secara langsung kepada bumiputra di bidang perindustrian.

5.01 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut sama memberikan sokongan atas Akta Galakan Pelaburan yang ada di hadapan kita ini.

Saya cuma hendak bercakap sedikit sahaja iaitu rakyat sangat mengalu-alukan kesedaran Kerajaan hingga mengemukakan Rang Undang-undang Galakan Pelaburan Tambahan dengan tujuan supaya diusahakan kawasan-kawasan atau negeri-negeri yang kurang maju. Ini satu peluang kepada kawasan-kawasan dan negeri-negeri yang kurang maju pada masa depan akan berhak sebagaimana kawasan-kawasan yang telah terlampaui banyak kawasan perindustrian. Dengan keadaan ini saya harap dapat diperseimbangkan. Peruntukan yang seperti ini saya harap jangan disalahgunakan dengan mudah projek-projek yang dilaksanakan telah dibuat kajian sesuai ditumbuhkan di kawasan yang kurang maju tetapi dengan desakan, dengan tekanan satu keadaan demi kepentingan diri atau ketamakan seseorang, maka projek ini juga dialih ke kawasan yang lain. Ini satu perkara yang patut diperhatikan oleh Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga bergembira bahawa Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA) telah meluluskan dengan banyak permohonan kepada penanam-penanam modal untuk mendirikan kilang perusahaan dalam negeri. Ini satu contoh yang saya beritahu iaitu dalam masa 4 bulan yang pertama tahun ini telah meluluskan 198 permohonan. Projek perkilangan yang diluluskan ini ada berbagai-bagai bentuk. Ada yang bertaraf perintis tanpa galakan atau ada galakan luar negeri, tetapi saya ingin tahu daripada Kerajaan setakat mana jumlah yang sebegini banyak atau yang akan diluluskan kelak diberikan kepada bumiputra atau badan-badan berkanun Kerajaan atas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sebagaimana yang telah dicakapkan oleh Yang Berhormat rakan

sejawat saya dari Muar Dalam. Kerajaan harus mengawasi dengan cermat dari semasa ke semasa dan kita harus jangan berpuashati dengan keadaan bahawa perkilangan itu telah mengambil pekerja-pekerja bumiputra. Ini menurut hemat saya, adalah kita akan diabui. Kita mahu bahawa perkilangan yang ada sekarang hendaklah betul-betul boleh ditadbirkan oleh bumiputra hingga kita dapat menguasai dalam hal perindustrian ini 30% dalam masa yang ditentukan.

Kita juga berbangga dengan sebab politik dan pemerintahan negeri kita ini kokoh maka berlumba-lumba banyak permohonan baru kita terima terutama sekali daripada Amerika, Timur Tengah dengan kerjasama yang baik daripada Kerajaan-kerajaan Amerika dan juga harus Kerajaan Peking pada masa depan. Satu perkara yang patut diperhatikan Kerajaan Negeri dan jabatan-jabatan yang berkenaan dengan hendak mengadakan projek-projek perkilangan ini hendaklah memberikan kerjasama yang rapat, yang bulat, jangan sampai memakan masa berbulan-bulan, bertahun-tahun hingga orang yang hendak menanam modal dalam kawasan itu lari. Ini kita dapati ada kalanya bila diserahkan kepada Kerajaan Negeri, Kerajaan berikan kepada Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kesihatan, Jabatan Kerja Raya dan Tenaga dan memakan masa sampai 2 tahun. Hal yang semacam ini patut kita fikirkan dan minta kerjasama yang penuh daripada Kerajaan Negeri.

Akhirnya, dalam mengusahakan kepada kawasan-kawasan yang kurang maju ataupun negeri-negeri yang kurang maju syarikat-syarikat asing ini kita jangan hendak hanya menanamkan modal kerana memproses barang-barang mentah itu sahaja. Kalau boleh dapat bahan-bahan mentah yang kita proseskan ke tempat itu hendaklah dijadikan kilang buatan barang-barang itu seperti kawasan Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam ada beribu-ribu ekar batu besi. Diproses batu besi itu di situ juga dengan dibuat kilang besi, buat paku, buat alat-alat daripada besi. Dengan keadaan yang macam ini tempat itu akan bertambah naik, penduduk dalam kawasan yang kurang maju itu akan dapat kerja. Baru-baru ini kita sangat gembira bahawa sebuah syarikat daripada Jepun akan mengusahakan kilang buluh. Ini satu keadaan yang baik. Didirikan kilang di tempat itu dan bahan-bahan mentah yang ada di situ dan dengan yang

demikian penduduk dalam tempat itu akan dapat bekerja. Umpamanya, pokok getah, sekarang kita buat kilang memproses pokok getah. Pada masa ini pokok getah mentah kita ini dihantar ke Negeri Jepun, diproses di Negeri Jepun untuk dibuat kertas. Apa salahnya diadakan kilang memproses pokok getah di sini. Ini kita patut fikirkan sebab negeri kita ini sebuah negeri yang kaya dengan barang-barang mentah, tetapi barang mentah ini kita jualkan ke luar negeri. Faedah dan menafaatnya diterima oleh negeri asing.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan pelaburan modal ini, saya nampak bukan sahaja perkilangan, kita patut juga memikirkan bahawa pelaburan asing ini kita berikan perhatian dan keutamaan dalam perusahaan perancangan. Dalam negeri kita ini memang kaya dengan kawasan-kawasan pelancungan. Kita jangan hanya pergi ke kawasan pantai sahaja, kita cuba tengok di tempat-tempat yang tinggi, tempat-tempat peranginan, patut kita berikan peluang kepada perusahaan luar negeri ini supaya dalam negeri ini kita dapat wang luar negeri masuk ke dalam negeri ini. Negeri ini memang termasyur dengan berbagai-bagai tempat yang menarik pelancung-pelancung luar negeri bagi dijadikan kawasan pelancungan.

Dengan ini, saya menyokong dengan penuh Akta Galakan Pelaburan ini.

5.07 ptg.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan atas Rang Undang-undang ini dan memberi pendapat masing-masing berhubung dengan soal yang kita hadapi bersama. Ada beberapa perkara yang harus saya jelaskan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, dan saya harap perkara-perkara ini apabila telah dijelaskan akan tidak dibangkitkan lagi di dalam Dewan ini, oleh sebab kebanyakan daripadanya telah dibangkitkan berkali-kali dan telah juga dijawab oleh saya.

Pertama sekali, dari segi penyertaan bumiputra dalam bidang perindustrian di dalam negara kita ini. Di dalam soal ini kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam

dan juga Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah membangkitkan soal penyertaan bumiputra.

Terlebih dahulu saya suka menyatakan bahawa saya memang tertarik kepada hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu, terutama sekali Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan Muar Dalam berhubung dengan soal galakan istimewa yang harus diberi kepada penanaman modal bumiputra. Saya tidaklah dapat memberi apa juga keputusan muktamad di dalam permintaan-permintaan mereka itu, saya hanya suka menyatakan bahawa Kerajaan akan mengkaji kemungkinan galakan istimewa yang harus ataupun boleh diberi oleh Kerajaan di dalam suasana melaksanakan Dasar Ekonomi Baru kita ini.

Untuk menuju ke arah pencapaian kejayaan melaksanakan apa juga cadangan-cadangan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya berharap bahawa pihak Kementerian saya pada tahun yang akan datang (tahun 1975) akan dapat mengadakan satu mesyuarat ataupun seminar khas untuk pelabur-pelabur modal dalam negeri, termasuklah bumiputra khususnya, supaya mereka akan bersama-sama dapat mengkaji atas soal-soal yang sedang dihadapi oleh Kerajaan dan juga membuat apa-apa juga syor mereka di atas soal pelaburan modal pada keseluruhannya. Dan juga barangkali ada di kalangan pelabur-pelabur di dalam negeri kita ini, termasuklah pelabur-pelabur bumiputra yang agaknya kurang faham, kurang kenal dari dekat di atas segala galakan-galakan yang telahpun ada di dalam negeri kita ini. Saya mengakulah bahawa pada tahun-tahun yang lepas, pihak Kementerian saya telah menghantar beberapa rombongan ke luar negeri untuk menarik modal asing, tetapi pada tahun yang akan datang kita berharap juga bahawa modal yang banyak ada di dalam negara kita ini akan juga dapat digembelangkan untuk memainkan peranan mereka di dalam sektor perindustrian ini.

Di dalam soal penyertaan bumiputra, saya suka juga menyatakan bahawa pada keseluruhannya bolehlah dikatakan penyertaan bumiputra adalah memuaskan. Saya telah menyatakan beberapa kali bahawa apabila kita mempertimbangkan soal penyertaan bumiputra kita haruslah ingat bahawa matlamatnya ialah untuk kita mencapai

peringkat 30% di dalam masa 20 tahun. Misalnya, Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Selangor telah menyatakan bahawa kebanyakan dari pekerja-pekerja di dalam kilang-kilang ialah tertumpu kepada peringkat buruh kasar sahaja. Saya suka menyatakan di sini bahawa angka-angka yang ada di dalam tangan Kementerian saya menyatakan bahawa kita telah mencapai kemajuan, terutama sekali di dalam lapangan perkeranian yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor itu.

Saya suka menyatakan dengan angka, misalnya, pada 30hb Jun, 1971 bidang perkeranian di dalam sektor syarikat-syarikat yang telah diberi taraf perintis terkandung di dalamnya 13.8% pekerja-pekerja. Tetapi pada 30hb Jun, 1973 iaitu 2 tahun selepas itu, kita telah meningkat ke peringkat 15.06%. Kalau kita naik lagi pula ke peringkat atasan, misalnya, pengurusan dan profesyenal pada 30hb Jun, 1971 angkanya atau peratusnya ialah 11.65% dan 30hb Jun, 1973 dalam waktu yang sama, dalam masa 2 tahun juga, maka peratusnya telah meningkat ke 12%. Ini semua nampaknya tidak begitu laju kemajuannya, tetapi menunjukkan kemajuan bahawa kita telah bergerak ke hadapan dan tidak tertinggal. Dan 12% di peringkat pengurusan dan profesyenal, keranai dan lain-lain mengandungi 15% pada pertengahan 1973 ini menunjukkan kemajuan yang boleh dikatakan pesat yang telah dicapai.

Dati segi penyertaan bumiputra, saya suka menyatakan bahawa soal yang dihadapi oleh Kerajaan begitu banyak dan rumit. Misalnya, kalau dibangkitkan soal galakan yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam, maka soal yang dihadapi oleh kita pada masa sekarang ialah soal permodalan. Dari segi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak boleh dinafikan bahawa kita telah mengenakan syarat 30% modal kepada tiap-tiap syarikat yang telah diluluskan semenjak tahun 1973. Adalah didapati pada masa ini bahawa peringkat 30% yang telah disyaratkan kepada syarikat-syarikat yang telah diluluskan itu tidak dapat dipenuhi di dalam begitu banyak syarikat-syarikat yang telah diluluskan itu. Maka untuk mengatasi inilah Kerajaan telah mengharapkan kepada institusi-institusi Kerajaan yang ada modal dan juga menubuhkan kumpulan-kumpulan

tanaman modal yang baharu supaya wang dapat dikumpulkan oleh Kerajaan terkandung di dalamnya wang Kerajaan sendiri ataupun wang rakyat jelata, supaya wang ini dapat digunakan untuk menampung kekurangan yang sedang dialami oleh syarikat-syarikat yang hendak mengikut syarat yang telah dikenakan oleh Kerajaan itu.

Saya berharap bahawa di dalam tahun-tahun yang akan datang Kerajaan sendiri akan dapat meninggikan lagi pemberian wangnya kepada institusi-institusi yang telah ada ini supaya soal 30% saham yang dikehendaki oleh kita itu akan dapat dicapai di dalam masa yang didugakan.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang kedua yang saya suka sentuh di sini ialah soal yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu. Saya memang bersetuju bahawa penanam modal dari luar negeri merupakan satu double exercise. Bahaya ini telah disedari oleh Kerajaan. Oleh sebab itulah maka Kerajaan telah menegaskan di mana-mana juga kita berjumpa dengan mereka yang suka menanam modal di dalam negeri kita ini, samada di luar negeri atau di dalam negeri Malaysia sendiri, apabila kita bertemu dengan mereka, kita telah menegaskan bahawa matlamat perindustrian ataupun dasar perindustrian kita ialah merupakan sosio-ekonomi. Dan apa juga industri yang hendak dibawa ke dalam negara kita ini hendaklah memahami hasrat serta tujuan dasar sosio-ekonomi negara kita ini, dan mereka bersetuju dengan dasar ini sebelum mereka diterima datang ke negara kita ini. Saya suka menyatakan dengan bangganya bahawa kita tidak mengira bagaimana besar sesuatu syarikat itu, walaupun satu syarikat itu ialah satu syarikat multi-national yang terkenal, memang ada satu peristiwa di mana satu syarikat multi-national yang begitu besar telah datang bertemu dengan kita dan menyatakan mereka tidak faham dan tidak dapat menerima dasar kita ini, konsep kita ini dan kita telah katakan tidak payahlah datang ke Malaysia, oleh sebab kita tetap akan berkehendakkan syarikat itu mematuhi dasar-dasar kita yang telah kita senaraikan tiap-tiap kali sesuatu syarikat itu membuat permohonan untuk menanam modal di dalam negara kita ini.

Untuk mengelakkan kemungkinan sesuatu negara sahaja berkuasa besar di dalam kemajuan ekonomi negara kita ini seperti yang

dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur dan juga Ahli Yang Berhormat dari Batu, maka kita telah cuba sedaya-upaya memperluaskan lagi punca modal yang datang ke negara kita ini hingga merupakan lebih daripada 30 buah negara termasuklah negara-negara kecil dan juga negara-negara sosialis seperti Yugoslavia, Rumania, Denmark, Belanda dan negara-negara yang lain termasuklah India, Indonesia, Singapura selain dari negara-negara yang besar seperti Jepun, Jerman dan Amerika Syarikat serta Britain.

Saya memang faham bahawa dari segi matlamat Dasar Ekonomi Baru kita, kita berharap bahawa 60% ataupun lebih dari 60% modal asing yang ada di dalam negara kita ini diharap akan dapat dikurangkan kepada 30%. Dan saya memang faham bahawa exercise ini ialah satu exercise yang boleh dikatakan mencabar Kerajaan dan rakyat jelata di sini. Di dalam hal ini, saya suka menegaskan bahawa matlamat menurunkan modal kepada 30% bukanlah di dalam sektor perindustrian sahaja. Saya fikir dari segi sektor perindustrian boleh dikatakan kita akan dapat mencapai kejayaan. Yang menjadi rumitnya ialah di dalam sektor-sektor yang lain barangkali oleh sebab sektor tradisional telah lama dikongkong oleh pemodal-pemodal asing.

Sekarang saya bagi pula angka-angka berhubung dengan tanaman modal daripada luar negeri dari segi pioneer industries. Pada tahun 1969 modal dari dalam negara kita di atas pioneer industries merupakan 41.8% dan modal luar negeri merupakan 58.2%. Tetapi pada tahun 1973 modal dari dalam negeri merupakan 51% dan modal luar negeri merupakan 49%. Ini menunjukkan bahawa kita sedang bergerak ke arah mencapai matlamat 30% sungguhpun angka-angka ini, saya bersetuju ialah berhad dengan sektor perindustrian sahaja, oleh sebab kita sedang membahaskan soal perindustrian, jadi saya fikir moleklah saya menunjukkan apakah kemajuan yang telah tercapai dari segi sektor perindustrian sendiri.

Dan juga saya memang bersetuju di atas apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu itu dan juga Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur, apabila mereka menyatakan conditions ataupun kemudahan-kemudahan harus diberi kepada pekerja-pekerja di dalam negara kita ini.

Saya tidak mahu hendak menyebutkan soal murah pekerja-pekerja ataupun buruh di dalam negara kita ini, sebab Ahli Yang Berhormat dari Batu pun telah menyatakan bahawa kita pernah; saya sendiri tidak pernah menyatakan buruh di dalam negara kita ini murah, walau ada pun di dalam kenyataan tadi dalam *Journal Fortune*, kami mengatakan bahawa di dalam negara kita ini ada buruh murah atau cheap labour, saya menafikan bahawa kita menegaskan kedudukan buruh murah ini. Dan lagi Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dalam ucapannya baharu-baharu ini di dalam perbahasan dalam Dewan ini menyatakan bahawa Kerajaan sendiri sedang mengkaji kemungkinan kita mengenakan minimum wage law di dalam negara kita ini pada masa akan datang, jadi tidak payahlah saya sebutkan. Walau bagaimanapun, kita memang mengharapkan selain daripada soal gaji yang harus diberikan lebih kepada pekerja-pekerja, pihak Kerajaan sendiri memang menggalakkan semua syarikat-syarikat yang datang ke negara kita ini memberi kemudahan-kemudahan seperti subsidi kepada makanan ataupun kemudahan kepada pesakit-pesakit untuk medical treatment dan sebagainya. Malahan saya berani mengatakan sudah ada beberapa syarikat yang telah melaksanakan permintaan kita, penggalakan kita ini, hinggakan tauladan ataupun cunhuh ini sedang diikuti banyak daripada syarikat-syarikat yang ada di dalam negara kita ini.

Dari segi soal remittance (pengeluaran wang) yang didapati keuntungan daripada syarikat-syarikat yang menanam modal dalam negara kita ini, memang pihak Kerajaan sedar bahawa syarikat-syarikat yang menanam modal dalam negara kita ini, memang pihak Kerajaan sedar bahawa syarikat-syarikat ini hendaklah seboleh-bolehnya menanam modal balik di dalam negara kita ini. Ini telahpun terjadi oleh sebab saya tahu pada saat ini apabila saya berdiri dihadapan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tahu bahawa sekurang-kurangnya ada dua syarikat electronic yang pada mulanya cuma hendak datang ke Malaysia selama lima tahun lebih kurang mendapat keuntungan seberapa banyak dan balik tetapi mereka sekarang telah bersetuju terus mengembangkan perindustrian mereka itu dan meluaskan usaha-usaha mereka ini kepada phase atau peringkat yang kedua.

Satu daripada syarikat ini ialah syarikat electronic yang terbesar sekali dan terkenal dalam dunia yang ada di Pulau Pinang yang dapat memberi pekerjaan kepada 3,000 pekerja di kawasan sana. Tuan yang punya syarikat ini apabila saya menemuinya di Amerika Syarikat baharu-baharu ini di dalam ucapannya kepada mereka yang sudi menanam modal di negara Malaysia, dia sendiri telah menasihatkan syarikat-syarikat lain supaya menanam modal di negara Malaysia ini, bukan dengan harapan quick money, tetapi dengan harapan bahawa mereka akan dapat economic stake dan social economic objective di dalam negara kita ini dan diterima oleh syarikat-syarikat yang hendak menanam modal di negara kita yang saya sebutkan tadi.

Ada satu perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berhubung dengan contribution pada parti politik. Saya menafikan bahawa ini terjadi, tetapi saya tidak tahulah kalau ada sesiapa juga yang pergi kepada syarikat-syarikat ini mengatakan, kalau hendak approval mesti bagi wang kepada UMNO, setahu saya tidak terjadi, kita tidak minta wang daripada mereka ini, tidak menjadi condition mengatakan mesti memberi wang lepas itu baharulah diluluskan (approve). Tetapi dalam zaman

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercakap demikian. Saya tidak mengatakan kalau sekiranya anda tidak bagi bantuan kepada UMNO, anda tidak boleh dapat pioneer status, saya tidak mengatakan begitu. Saya kata dengan pemberian pioneer status boleh timbul apa yang saya sebutkan, tetapi saya mengatakan pada masa sekarang ada beberapa syarikat multi-national di tanahair kita, khasnya di Kuala Lumpur dan di sekelilingnya yang disuruh membantu wang tunai (cash) kepada UMNO.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, fahaman saya daripada ucapan Ahli Yang Berhormat tadi ialah sebagai blackmail, itu fahaman saya, sebab insinuationnya begitu. Katanya, berilah dahulu, kalau tidak beri nanti—by insinuation.

Dr Tan Chee Khoon: Di dalam bahasa Inggeris ada satu rangkai-kata: if the cap fits, then let him wear it.

Datuk Musa Hitam: This is a matter of opinion, interpretation, sebab fahaman saya itulah seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu itu. Walau bagaimanapun, inilah penjelasan saya berkenaan dengan soal contribution ini oleh sebab di dalam suasana demam pilihanraya ini banyak ada manusia yang pergi ke sana ke mari menggunakan nama seseorang mengatakan kita hendak duit. Saya dahulu apabila menjadi pegawai Kerajaan pun kadang-kadang ada orang yang menggunakan nama saya, dan sekarang saya percaya tentu ada juga mengatakan Menteri ataupun bila saya menjadi D.O. dan sebagainya meminta duit, kalau ada jadi begitu, kita tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebutkan sedikit soal yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur, terutama sekali dari segi decentralisation. Dia telah menyatakan bahawa dengan pemindaan Akta ini menunjukkan bahawa polisi kita tidak begitu berjaya. Saya fikir kejayaannya ialah begitu baik hinggalah di kawasan Negeri Sembilan sendiri, dahulu ada satu kawasan perindustrian di Senawang yang dikenal sebagai white elephant, di dalam dua tiga tahun dahulu, tetapi sekarang sudah penuh sesak, malahan sudah tidak ada tempat lagi untuk industri-industri baharu hendak masuk ke sana. Sungguhpun memang benar bahawa ada industri-industri yang tidak bersetuju datang ke kawasan situ misalnya, Ahli Yang Berhormat telah menyatakan Goodyear tidak hendak datang, satu daripada sebabnya tidak ada port. Memang benarlah takkan kita hendak adakan port di tengah-tengah tanah besar Malaysia ini seperti di Seremban. Dan ada facilities yang lain yang agaknya difikirkan satu-satu syarikat itu tidak cukup. Memang benar satu-satu syarikat itu seberapa bolehnya hendak mendapat tempat yang sebaik-baik. Itulah sebabnya dengan fahaman ini, maka Kerajaan telah mengadakan syor ataupun cadangan untuk meminda Akta ini supaya mereka yang tidak begitu berminat untuk pergi ke kawasan luar bandar itu akan dapat pergi luar bandar dengan incentives, kalau misalnya tidak ada port facilities ataupun kemudahan sekolah dan sebagainya, mereka akan dapat daya penarik yang lain seperti yang sedang digunakan oleh pihak Kerajaan di dalam Rang Undang-undang ini. Dan lagi dari segi soal-soal lain yang telah

disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, dia sentiasa mengambil peluang untuk mengkritik Kerajaan dalam soal keretapi, di dalam soal trade dengan Negeri China telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur itu, saya fikir tidak payah saya jawab oleh sebab soal ini telah kerap kali dibahaskan. Untuk menggalakan export industries seperti yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kalau kita baca pindaan Rang Undang-undang ini dapatlah kita tahu bagaimana Kerajaan sedang menggalakan hasil daripada pelaksanaan dasar perindustrian di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara juga telah menyatakan bagaimana pentingnya bumiputra diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam perindustrian kita ini, dan dia telah menyatakan bagaimana kita tidak harus mengambil masa yang begitu panjang untuk memberi peluang kepada industri-industri datang ke suatu kawasan itu. Saya memang bersetuju dengan pendapatnya, kalau terlambat sangat selepas kita meluluskan sesuatu industri itu kita mengadakan kemudahan-kemudahan seperti jalan, air, letrik dan sebagainya tentulah industries itu akan lari. Dari segi ini, saya memang berharap bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri yang betul-betul berkehendakan industri-industri datang ke negeri masing-masing, maka negeri-negeri itu hendaklah bekerja kuat untuk menyediakan kemudahan-kemudahan supaya apabila Rang Undang-undang ini diluluskan, maka dengan sendirinya pula dapatlah industri-industri itu datang ke negeri-negeri yang berkenaan, dengan tidak payah dan susah lagi ada masa-masa selepas itu hendak memindahkan industrinya daripada kawasan yang telah dipersetujui kepada kawasan yang lebih baik daripada yang disediakan oleh Kerajaan Negeri itu.

Sekianlah sahaja penjelasan yang dapat saya berikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya ucapkan ribuan terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 15 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK SIMPANAN NASIONAL

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.34 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional, 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menubuhkan Bank Simpanan Nasional bagi mengambil-alih tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab Bank Simpanan Pejabat Pos yang ada sekarang yang ditubuhkan di bawah Ordinan Bank Simpanan Pejabat Pos, 1948. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada 23hb April tahun ini, satu pengistiharan telah dibuat bahawa sebuah perbadanan baru akan ditubuhkan untuk menyimpan wang. Dengan penubuhan Bank Simpanan Nasional ini kelak, Bank Simpanan Pejabat Pos dan Ordinan Bank Simpanan Pejabat Pos, 1948 akan dimansuhkan.

Mengikut Ordinan sekarang ini, Bank Simpanan Pejabat Pos diuruskan sebagai sebahagian daripada Jabatan Perkhidmatan Pos dan terletak di bawah bidangkuasa dua Kementerian. Aspek kewangannya, seperti kadar faedah dan dasar pelaburan adalah di bawah Kementerian Kewangan, sedangkan soal-soal pentadbiran adalah diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos yang terletak di bawah Kementerian Perhubungan. Perjalanan kerja-kerja harian B.S.P.P. adalah menjadi tanggungjawab Pengawal Bank Simpanan Pejabat Pos, yang tertakluk kepada arahan Ketua Pengarah Pos.

Tujuan utama Bank Simpanan Pejabat Pos ialah untuk mengadakan kemudahan menyimpan wang kepada penyimpan-penyimpan kecil samada di kawasan bandar atau desa. Tugas-tugas ini telahpun dijalankan oleh Bank Simpanan Pejabat Pos dengan cemerlang, Bank Simpanan Pejabat Pos telah mengadakan satu sistem simpanan wang yang murah, mudah dan cepat. Ia telah beberapa kali menaikkan kadar faedahnya terlebih awal dari bank-bank swasta. Semuanya ini telah dijalankannya dengan perbelanjaan urusan yang rendah.

Walau bagaimanapun, keadaan sekarang telah bertukar. Bank Simpanan Pejabat Pos sekarang ada lebih 2 juta penyimpan. Kerajaan telah mengambil keputusan memulakan kempen di seluruh negara di kawasan desa dan bandar untuk menyimpan wang. Keputusan juga telah dibuat supaya perkhidmatan dan kemudahan yang diadakan oleh Bank Simpanan Pejabat Pos diperbaiki dan diluaskan bidangnya. Untuk berbuat demikian, susunan organisasi Bank Simpanan Pejabat Pos sekarang terpaksa ditukar. Kerana itu, Bank Simpanan Nasional ditubuhkan untuk mengambil-alih tugas tugas dan tanggungjawab Bank Simpanan Pejabat Pos tersebut. Bank Simpanan Nasional yang dicadangkan ini ialah badan berkanun yang otonomous dan tidak lagi satu jabatan di bawah jagaan pihak Berkuasa Pos. Walau bagaimanapun, ia akan meneruskan perhubungan dengan Jabatan Pos supaya perkhidmatan dan kemudahan yang diadakannya akan dapat dinikmati oleh semua rakyat. Bank Simpanan Nasional ini akan mempunyai Lembaganya sendiri dan bertanggungjawab kepada Menteri Kewangan.

Dengan tujuan-tujuan tersebut dan dengan mempunyai Lembaganya sendiri, Bank Simpanan Nasional dijangka akan menjadi sebuah institusi kewangan yang lebih cergas dan maju daripada Bank Simpanan Pejabat Pos yang akan digantikannya, dan akan dapat memenuhi kepentingan-kepentingan rakyat khususnya dan negara amnya dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.38 *ptg.*

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dengan kuatnya Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan iaitu Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional.

Dengan adanya Rang Undang-undang ini satu lagi kemajuan yang diperolehi oleh negara kita dari segi penambahan bank dalam negeri ini dan dengan ini dapat mengubah masyarakat kita di luar bandar bahawa mereka pada masa hadapan tidak lagi menyimpan wang mereka dengan keadaan lama, menyimpan di bawah tikar, di bawah bantal atau dipinjamkan kepada orang yang ada kaitan dengannya.

Dalam masaalah ini, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah mengatakan bahawa selama ini penduduk-penduduk luar-bandar dalam usaha jimat-cermat telah menyimpan wang mereka melalui Bank Simpanan Pejabat Pos samada orang dewasa termasuk juga kanak-kanak dan dengan ini kita telah dapat satu jumlah simpanan yang besar sebanyak lebih kurang \$2 juta bagaimana yang telah saya fahamkan.

Usaha yang dibuat oleh Pejabat Pos menurut keterangan Yang Berhormat Menteri tadi sangat cemerlang dan baik, tetapi pada diri saya dan setengah-setengah rakyat dalam negeri ini bahawa beberapa kesilapan, beberapa kesalahan telah diperlakukan oleh sedikit-sedikit Pegawai Pejabat Pos dalam masaalah menyimpan wang orang ramai ini dan dengan keadaan ini kepercayaan orang ramai menyimpan wang ke Pejabat Pos itu telah berasa sangsi dengan adanya kesilapan-kesilapan atau perbuatan curang yang dilakukan oleh setengah-setengah manusia yang saya cakapkan tadi. Dengan keadaan yang macam ini oleh sebab manusia dalam negeri ini memang bijak hendak menggunakan wang dengan mudah dengan berbagai muslihat, kalau diteruskan keadaan begini tentulah banyak lagi wang orang ramai, wang rakyat di luar bandar yang dikelirukan melalui Simpanan Bank Pejabat Pos ini. Dengan keadaan yang macam ini, saya fikir itulah kesedaran Kerajaan dengan adanya menu-buhkan Bank Simpanan Nasional ini, dengan memberi satu jaminan pula bahawa simpanan simpanan mereka itu akan dapat dikawal, akan dapat dijimatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sangat berbesar hati bahawa Pejabat Pos tidaklah juga putus perkhidmatannya dalam bank ini. Dia akan meneruskan penerimaan wang daripada orang ramai. Orang ramai sekarang, sebagaimana yang telah saya katakan memang telah mempunyai minat hendak menyimpan wang di Pejabat Pos ini, tambahan pula dalam zaman negara kita sedang maju dan akan menuju kemewahan, khasnya penduduk-penduduk luar bandar dan setengah-setengah kawasan memang ada mempunyai wang yang lebih daripada penghidupan hari-hari. Mereka gemar sangat hendak menyimpan wangnya di Pejabat pejabat yang dapat jaminan, terutama sekali kita perhatikan anak-anak sekolah kita, mereka telah dididik dan diajar bercermat menyimpan wang melalui Pejabat Pos itu. Usaha ini saya harap walaupun Bank Simpanan Nasional ini kita teruskan, Pejabat Pos juga patut meneruskan usahanya dan dengan keadaan yang macam ini saya fikir wang ini akan bertambah banyak. Dengan wang ini bertambah banyak pada Bank Simpanan Nasional ini kita akan melaburkan modal pula kepada perusahaan-perusahaan yang lain dan dengan keadaan itu akan menerima faedah lagi atas orang-orang yang menanam modal melalui bank ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya fikir patut difikirkan oleh Bank ini iaitu pencarum-pencarumnya, khasnya penduduk-penduduk luar bandar yang cuba hendak membuat satu kemajuan pada segi hidupnya, samada berniaga ataupun juga hendak mendirikan rumahnya yang lebih baik harus bank ini juga akan memberikan pinjaman dan dengan bank ini sanggup memberikan pinjaman maka pada pencarum-pencarum itu akan mendapat menafaat lain daripada faedah yang diperolehi daripada simpanannya dia akan mendapat menafaat daripada pinjaman wang ini pada menjalankan perniagaan ataupun membuat rumah masing-masing. Dengan keadaan yang macam ini, saya percaya bahawa bank ini juga akan dapat memberikan satu khidmat dalam pembangunan negara kita.

Saya fikir dengan wang yang sebanyak \$2,000,000 ini juga tentulah tidak cukup. Harus ramai pencarum-pencarum kita menghendaki melancarkan berbagai-bagai kemajuan pada segi perniagaan, perusahaan dan perumahan bagaimana yang saya cakapkan, Kerajaan harus memberikan pinjaman

kepada bank ini. Saya nampak usaha-usaha yang dibuat oleh satu-satu agensi Kerajaan, Kerajaan cuma memberi, menanamkan modal yang tidak begitu penuh, dengan tidak begitu banyak. Bila mereka hendak menjalankan projek itu selalu tersangkut. Saya fikir dalam masaalah bank ini satu-satu Badan Berkanun yang dapat dikawal dan duduk di bawah Kementerian Kewangan bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri dan siapa juga patut memberikan penanaman modal dan Kerajaan juga patut memberikan simpanannya, pertolongannya kepada bank ini. Dengan keadaan ini, saya fikir baharulah projek-projek yang dikehendaki oleh pen-carum-pencarum itu dapat dilaksanakan bila-mana mereka membuat permohonan.

Tuan Yang di-Pertua, bank ini disebut Bank Simpanan Nasional. Pada orang-orang luar bandar khususnya tentulah ada berkeinginan hendak membaiki taraf hidupnya, tetapi sebagai sebuah bank kiranya hendak menjamin seseorang pemohon tentu ada cagaran. Dalam masaalah cagaran ini, saya harap bank ini akan memberikan kemudahan kepada geran-gearn yang disebutkan di Kawasan Melayu (Malay Reservation) supaya dapat orang-orang luar bandar ini menerima nikmat atas rancangan simpanan bank ini.

Itulah sahaja yang dapat saya berikan pandangan, mudah-mudahan bank ini akan memberikan faedah kepada rakyat dalam negeri kita ini.

5.46 ptg.

Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I have only a few observations to make here. I welcome any facility given by the Government to encourage the people to save money. However, I think providing the facilities alone is not enough because, if the interest rate cannot compete with that given by finance companies, then the people at large would not be attracted to deposit their money with the National Savings Bank or the Post Office Savings Bank. For instance, Mr Speaker, Sir, a finance company, C.C.M.—Central Credit Corporation of Malaysia—offers 10.5% interest for fixed deposit up to one year. But the Post Office Savings Bank at the moment gives about 5% to 6% interest per year. If I have got \$1,000 or \$2,000, surely, I will put my money in the finance company, C.C.M.

rather than with the Post Office Savings Bank, because I get double the interest given by the Post Office Savings Bank. Therefore, to compete for the deposit of the money, the National Savings Bank must increase the rate to such an extent as to attract the people to deposit their money with this Bank.

Secondly, Mr Speaker, Sir, I suppose the Bank's facilities will be slightly different from that of the Post Office, in that the Bank will provide cheque books to depositors whereas the Post Office Savings Bank never issues cheque books to depositors. That will be all right. But if the Bank issues cheque books to depositors, then Clause 32 of the Bill should be deleted. Clause 32 says:

“The names of depositors and amounts of deposits and withdrawals shall not be disclosed by any officer or employee of the Bank except by the Attorney-General or with the written consent of the Minister”.

If a cheque book is issued to a depositor, he puts in say \$500 or \$1,000, and he gets a cheque book of, say, 50 leaves. He will go to do some shopping in a supermarket or somewhere else and then he starts issuing cheques all round; and the cheques issued may amount to say \$5,000, whereas in his bank account he may have only \$500 or \$1,000. If the cheques bounce or are dishonoured by the Bank, then the innocent receivers of the cheques would suffer. How are they going to trace the drawers of the cheques? When they ask the Bank for the particulars, the Bank refuses to give them because of Clause 32 here under which particulars of depositors are supposed to be confidential and not to be released.

Finally, the innocent receivers of the cheques, which are negotiable, will suffer a loss. In fact, at this very moment, there are, perhaps, hundreds of thousands of dishonoured cheques in our country, and a lot of innocent people have suffered.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: *(Dengan izin)* Tuan Yang di-Pertua, in order not to waste the time of the House, I hope the Honourable Member can understand enough English. Firstly, this Bank is a Savings Bank. If you save, naturally you do get a cheque book. It is the same thing in the commercial banks. If you put your money in a Savings Account, they do not issue a cheque book to you. They

will give to you a Savings Book. Of course, with that Savings Book, you cannot issue cheques. I hope the Honourable Member can understand enough English as not to waste the time of this House.

Tuan Lim Cho Hock: Yes, Mr Speaker, Sir, that is what I am not very sure of and that is why I asked. This Bank might be different from the Post Office Savings Bank. That is why I said that if this Bank operates in the same way as the Post Office Savings Bank, then I have no objection, but apparently under certain clauses, this particular Bank can give a loan to certain people. So, if a loan is given out say, on a piece of land being charged, naturally some sort of document or a cheque book will be given to the person who charged the property to the Bank and in such a case then, of course, he will have to issue cheques to draw out money. Now, of course, if what the Minister says is correct, that it operates in the same way as the Post Office Savings Bank, in other words, no cheque book is given out, then I have no objection at all, but if cheque books are being issued, then the Bank. . . .

Tuan Yang di-Pertua: There is no "if's" about it. No cheque books are issued. Don't waste time.

Tuan Lim Cho Hock: All right then. That is all.

5.54 ptg.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjawab pandangan Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah. Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah tidak faham apa yang dicakapnya dan dia tidak faham atas tujuan Bil ini. Bil ini ialah bank untuk simpanan, jadi mana-mana bank untuk simpanan tidak mengeluarkan cheque books. Begitu juga misalnya, Bank Kerjasama walaupun commercial banks kalau kiraan itu dibuat untuk simpanan yakni savings account memang tidak diberikan cheque book untuk savings account. Begitu juga kalau kita menyimpan dalam Finance Company. Finance Company tidak memberi kita cheque book untuk mengeluarkan wangnya.

Yang keduanya, kalau sekiranya penyimpan itu hendak meminjam daripada Bank Simpanan ini, maka Bank Simpanan

ini kalau diluluskan pinjamannya tentulah diberikan dia cek sekian-sekian jumlah yang hendak dipinjam. Dia juga tidak mengeluarkan cheque book.

(*Dengan izin*) I think, Mr Speaker, Sir, the Honourable Member has got the wrong end of the stick entirely and he is simply wasting the time of this House and, secondly, he is out-of-date again, i.e. the rate of interest paid by the Post Office Savings Bank at the moment is not 5½%; it has been raised to 6½% and the Honourable Member is entirely out-of-date.

Then, Mr Speaker, Sir, I know that the Honourable Member doesn't know enough economics or finance. In the financial world, the less risk you take, the less the rate of interest. The more risk you take, the more the rate of profit if you don't lose anything. So, saving in the Post Office Savings Bank is guaranteed by the whole assets of the Government. So, it is a very safe saving and so also with the new institution that we are going to set-up under this Bill. The savings will be guaranteed by the Government and the risk is practically nil and that is why you can't compare the rate of interest by this proposed National Savings Bank with that of the Finance Companies. Of course, with the Finance Companies, the risk is more and I hope the Honourable Member will understand enough finance and economics; otherwise he should better learn some more.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ucapan Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara, yang pertama sekali, saya suka lah membetulkan kesilapannya yang menyatakan, jumlah simpanannya, kalau saya tidak silap tadi berjumlah \$2 juta. Yang sebenarnya, angka yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah silap, kerana pada tahun 1973 jumlah simpanannya adalah \$417,229,819 bukan \$2 juta. Nampaknya jauh sangat perbezaan angka yang diberikannya itu, dan nampak sangat Bank Simpanan Pejabat Pos ini kecil, maka dengan sebab itulah saya suka membetulkannya. Dan seperti yang saya katakan tadi Bank Simpanan Pejabat Pos telah menjalankan kerja-kerjanya dengan begitu cemerlang, walaupun begitu untuk memenuhi kehendak masa maka kita ubahkan dia menjadi Bank Simpanan Nasional. Saya telah jawab dalam bahasa Inggeris tadi iaitu simpanan di dalam bank ini adalah memang dikawal bahkan dijamin oleh Kerajaan.

Perkara yang ketiga, yang ditimbulkan ialah mengenai pencarum-pencarum yang harus diberi pinjaman untuk membeli rumah, memperbaiki (repair) rumah dan sebagainya, dan untuk memberi pinjaman memanglah ada dalam peruntukan ini, yakni Bank Simpanan Nasional ini boleh memberikan pinjaman kepada pencarum-pencarum dan lain-lainnya.

Bank ini juga adalah dianggap sebagai bumiputra, kerana kalau dia tidak dianggap sebagai bumiputra, dia tidak boleh menerima cagaran tanah-tanah di dalam Malay Reservation atau sebagainya. Dan oleh kerana itu bank ini dari segi undang-undang adalah dianggap sebagai bumiputra, dia boleh menerima cagaran daripada tanah-tanah di dalam Malay Reservation atau sebagainya untuk membolehkannya memberi pinjaman-pinjaman yang sesuai kepada orang-orang Melayu dan lain-lain bumiputra yang mencagarkan tanahnya.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang hendak saya jelaskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 42 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. *Fasal 43 dan 44—*

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan pindaan sebagaimana yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekali. Pindaannya seperti berikut:

Fasal 43: Gantikan perkataan "seksyen 46" yang terdapat di baris 4 dengan perkataan "seksyen 41".

Fasal 44: Gantikan perkataan "seksyen 45" yang terdapat di baris 1 dengan perkataan "seksyen 40".

Clause 43: Substitute for the word "seksyen 46" the word "seksyen 41".

Clause 44: Substitute for the word "seksyen 45" the word "seksyen 40".

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 43 dan 44 sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

AKTA CUKAI PENDAPATAN, 1967

KUALA LUMPUR TOURIST ASSOCIATION

6.00 ptg.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut peruntukan-peruntukan Seksyen 102 (1) Ordinan Cukai Pendapatan, 1947, dan Seksyen 127 (2) Akta Cukai Pendapatan, 1967, Jadual Pertama, kepada Ordinan Cukai Pendapatan, 1947, dan Bahagian II, Jadual 6 kepada Akta Cukai Pendapatan, 1967 masing-masing dipinda dengan menambahkan kepadanya butiran baru yang berikut:

"Kuala Lumpur Tourist Association" dan pindaan tersebut hendaklah mula berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1963 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Tujuan ketetapan ini ialah untuk mengecualikan Persatuan Pelancungan Kuala Lumpur daripada dikenakan cukai pendapatan. Persatuan Pelancungan Pulau Pinang yang mana mempunyai tujuan yang sama telah dikecualikan daripada cukai pendapatan dan dimasukkan dalam Jadual 6, Bahagian II (butiran 43) Akta Cukai Pendapatan, 1967. Persatuan Pelancongan Sabah yang bertujuan sama juga telah dikecualikan dari cukai pendapatan dengan cara yang sama.

Oleh yang demikian, adalah difikirkan bahawa Persatuan Pelancungan Kuala Lumpur patut diberi pengecualian cukai pendapatan iaitu dengan dimasukkan badan ini ke dalam senarai badan-badan yang terkecuali di Bahagian II, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967. Adalah dicadangkan juga pindaan ini akan raulai berkuatkuasa daripada tahun taksiran 1963.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut peruntukan-peruntukan Seksyen 102 (1) Ordinan Cukai Pendapatan 1947, dan Seksyen 127 (2) Akta Cukai Pendapatan, 1967, Jadual Pertama, kepada Ordinan Cukai Pendapatan, 1957, dan Bahagian II, Jadual 6 kepada Akta Cukai Pendapatan, 1967 masing-masing dipinda dengan menambahkan kepadanya butiran baru yang berikut:

“Kuala Lumpur Tourist Association” dan pindaan tersebut hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1963 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

RANG UNDANG-UNDANG BAHAN LETUPAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.05 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Bahan Letupan, 1957 dibaca bagi kali yang keduanya.

Pindaan ke atas Ordinan Bahan Letupan ini ialah dengan maksud untuk menggantikan takrif bagi “Minister” yang terdapat dalam Akta ini dengan takrif baru. Di dalam Ordinan ini takrif yang terdapat ialah seperti berikut:

“Minister means the Minister charged with the responsibility for natural resources”.

Memandangkan penggunaan bahan-bahan letupan melibatkan ketenteraman dan juga keselamatan dalam negeri adalah dirasakan sesuai dan wajar jika takrif “Minister” itu ditukar dengan takrif yang baru seperti berikut:

“ ‘Minister’ means the Minister charged with the responsibility for explosives;”.

Dengan ini Menteri yang bertanggungjawab mengenai bahan-bahan letupan ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan bukannya Menteri yang bertanggungjawab mengenai hasil bumi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SENJATA (PINDAAN)

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama satu akta bagi meminda Akta Senjata, 1960 dan untuk membuat satu pindaan berbangkit kepada akta senjata api penalti lebih berat 1971, dibaca bagi kali yang kedua.

Kerajaan telah mengkaji keadaan yang ada sekarang di mana jenayah yang melibatkan senjatapi begitu meluas dan memikirkan wajar bagi menambahkan hukuman dan denda ke atas kesalahan yang dibuat di bawah Akta Senjata, 1960 ini. Di samping itu bagi mengawal dengan lebih ketat penggunaan senjatapi oleh pelesen-pelesen yang diluluskan supaya tidak membahayakan orang awam, peruntukan-peruntukan bagi kesalahan yang baru serta hukuman-hukuman diwujudkan di bawah Akta ini. Satu kekurangan lagi yang menunjukkan dalam Akta Senjata, 1960 ialah dengan tiadanya peruntukan-peruntukan bagi melesenkan pembuat (manufacturer) senjata atau peluru serta

beliau menarik perhatian Kerajaan bahawa dengan adanya Rang Undang-undang ini akan melibatkan peladang-peladang atau petani-petani yang sudah lama memohon senjatapi daripada Kerajaan kemudian Kerajaan tidak dapat memberi kelulusan, tiba-tiba peladang-peladang dan petani-petani itu telah membuat senjatanya sendiri. Saya dapat faham begitulah agak hujah-hujah yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut. Dengan hujah-hujah yang seperti ini di dalam Dewan yang mulia ini, Tuan di-Pertua, memberi suatu gambaran bahawa barangkali Ahli Yang Berhormat ini agak tahu sedikit tentang bagaimana berlakunya senjata-senjata haram di dalam negara kita ini, bagaimana adanya orang-orang yang sanggup membuat senjata-senjata haram di dalam negara kita ini, dan bagaimana sesudah Ahli Yang Berhormat itu mengetahui cara demikian rupa selama ini tidak memberitahu kepada Kementerian yang berkenaan. Saya minta kepada Kementerian yang berkenaan menghalusi dengan sedalam-dalamnya, bukan apa sahaja yang dicakapkan itu, atau bukan apa sahaja tersurat itu, tetapi dapat menghalusi apa yang tersirat di sebalik ucapan Ahli Yang Berhormat tadi. Sebab maklumlah, di dalam keadaan-keadaan suasana sekarang ini perkara-perkara yang kita tidak fikir berlaku boleh berlaku di dalam tanahair kita ini.

Beliau juga di dalam masa bercakap mengenai Rang Undang-undang ini telah menyebutkan tentang pembunuhan yang telah berlaku ke atas Allah Yarham Ketua Polis Negara kita. Beliau berani dengan terusterang mengatakan di dalam Dewan ini bahawa senjata yang digunakan oleh penembak Allah Yarham itu bukan senjata yang mempunyai lesen, sedangkan perkara ini masih di dalam penyiasatan mahkamah. Dan suatu perkara yang sedang di dalam penyiasatan tentulah tidak dapat hendak di-agak samada senjata itu benar-benar senjata yang mempunyai lesen ataupun benar-benar senjata yang tidak mempunyai lesen, tetapi Ahli Yang Berhormat tadi berani mengatakan dengan terang dalam Dewan ini bahawa senjata yang digunakan itu adalah senjata yang tidak mempunyai lesen, sebab itulah beliau merasa dukacita dengan pihak Kerajaan yang telah cuba mengambil beberapa senjata yang difikirkan ada kaitannya dengan perlu-perlu yang digunakan ketika

menembak Allah Yarham itu, dia menyatakan dukacita Kerajaan mengambil senjata itu untuk penyiasatan. Saya terpaksa menyebutkan perkara ini, kerana saya rasa terlalu berat apakala saya mengikuti ucapan Ahli Yang Berhormat tadi, khusus mengenai dua perkara yang tersebut.

Sekarang saya kembali kepada Rang Undang-undang yang ada dihadapan kita ini. Saya memang sebagai seorang rakyat yang benar-benar cinta dan kasih kepada tanahair kita ini dan ingin berselindung atau bernaung di bawah keamanan, saya menyokong penuh dan memberi sepenuh-penuh kepujian kepada Kerajaan yang telah mengemukakan Rang Undang-undang ini di dalam Dewan yang mulia ini. Cuma sedikit sahaja saya rasa keliru kalau ini salah fahaman saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan boleh betulkan dalam jawapannya nanti. Orang perseorangan kita kenakan hukuman penjara seumur hidup dan lain-lain lagi, ertinya sepanjang hayat, tetapi jikalau yang membuat senjata haram ini terdiri daripada syarikat, ertinya cara beramai-ramai menubuhkan satu syarikat membuat senjata, dia cuma dikenakan sebanyak \$500,000 sahaja denda. Ertinya, orang yang membuat senjata secara berkumpul, secara beramai-ramai, secara menubuhkan syarikat hukumannya lebih ringan daripada orang perseorangan yang membuat senjata haram ini. Saya ingin mendapat penjelasan apakah maksud yang dibuat seperti itu, kerana pada hemat saya, sepatutnya syarikat-syarikat ataupun orang-orang menggabungkan diri di dalam satu badan yang boleh dianggap syarikat itulah patut dikenakan hukuman yang paling berat, kerana apakala dibuat dengan cara bersyarikat untuk membuat senjata haram ini tentulah mempunyai tujuan-tujuan yang lebih jahat daripada orang perseorangan. Boleh jadi orang-orang perseorangan ini kerana sebab-sebab yang kurang terok daripada gulungan-gulungan yang dibuat secara bersyarikat.

Selain daripada itu, saya juga suka menyentuh mengenai Rang Undang-undang ini tentang pengawasan daripada pihak yang berkenaan. Sudah banyak Undang-undang yang agak berat hukumannya telah dibawa di dalam Dewan ini untuk menjamin keamanan dan ketenteraman di dalam tanahair kita ini. Tetapi semakin berat hukuman yang dikenakan mengikut Undang-undang yang diluluskan di dalam Dewan ini semakin

banyak berlakunya perkara-perkara yang di luar daripada dugaan kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Panjang, Tuan Yang di-Pertua:

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambong esok.

UCAPAN PENANGGUHAN

TAHANAN POLITIK—RAYUAN MEMBEBAHKAN

6.31 ptg.

Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah): (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I would like

to appeal for the release of two political detainees who have been detained for a number of years and they are seriously ill. These detainees

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, quorum tidak cukup.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang dari 26 hadir*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.32 petang.